

Jilid I
Bil. 17



Hari Rabu
29hb Oktober, 1986

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2201]

USUL:
Aturan Urusan Mesyuarat [Ruangan 2238]

AKTA PERUBATAN 1971:
Penguatkuasaan Bahagian VII [Ruangan 2238]

RANG UNDANG-UNDANG:
Rang Undang-undang Perbekalan 1987 [Ruangan 2291]

USUL:
Anggaran Pembangunan 1987 [Ruangan 2291]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN
HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M.,
P.I.S. (Kubang Pasu).

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara
dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P.
(Labis).

.. Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S.,
P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

.. Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M.
(Beruas).

.. Menteri Penerangan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD
RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P.,
P.M.K. (Kota Bharu).

.. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN
SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S.
(Gua Musang).

.. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

.. Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ,
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

.. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR
SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

.. Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

.. Menteri Pertahanan, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD
BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

.. Menteri Luar Negeri, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

.. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR
STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

.. Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO SHAHRIR BIN ABDUL
SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

Yang Berhormat Menteri Pelajaran, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VUANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMED YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARA BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN WOON SEE CHIN, P.I.S., A.M.N. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFERY (Silam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan
Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL,
D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan
Luar Bandar, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K.
(Hulu Terengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK
KWAN (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN
RAJA SULAIMAN (Baling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN
PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos,
TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan
Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN (Tapah).
- „ TUAN ABDUL MULOK *alias* AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATU ABDUL HAMID BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA
(Limbawang).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K.
(Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K.
(Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J.,
P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K.
(Kok Lanas).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit
Gantang).
- „ TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N.,
B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubuk Antu).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).

Yang Berhormat TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).

- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

Yang Berhormat TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL BIN PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).

- Yang Berhormat TUAN NGOI THIAM WOHO (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N.,
A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ PUAN HAJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED,
S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ TUAN TAN KOON SWAN (Gopeng).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir
Puteh).
- „ TUAN YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
- „ PUAN ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

Yang Berhormat DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M.,
P.J.K., J.P. (Sik).

„ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N.,
P.J.K. (Besut).

„ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P., J.M.N.,
S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 29hb Oktober, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

JAMBATAN PULAU PINANG—
KUTIPAN TOL

1. Tuan Mohamad Subky bin Haji Abdul Raof minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) semenjak Jambatan Pulau Pinang beroperasi pada bulan September, 1985 yang lalu, berapa jumlah kutipan TOL yang diperolehi;
- (b) adakah dengan hasil kutipan tersebut dapat menampung pembayaran pinjaman;
- (c) berapakah jumlah kos penyelenggaraan bagi setiap bulan; dan
- (d) berapa banyak kemalangan yang telah berlaku dan apa jenis kenderaan yang sering berlaku kemalangan.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada Ahli Yang Berhormat ialah seperti berikut:

Untuk jawapan soalan (a), jumlah kutipan tol Jambatan Pulau Pinang semenjak beroperasi pada 14hb September, 1985 sehingga

akhir bulan September, 1986 adalah berjumlah \$18,991,468.

Jawapan bagi soalan (b) ialah hasil pungutan tol tersebut tidak mencukupi untuk membayar balik pinjaman yang digunakan untuk membiayai pembinaan Jambatan Pulau Pinang itu.

Jawapan untuk soalan (c), kos penyelenggaraan Jambatan Pulau Pinang setiap bulan ialah \$225,000.

Jawapan kepada soalan (d), bilangan kes kemalangan yang berlaku di Jambatan Pulau Pinang sehingga akhir bulan September, 1986 adalah sebanyak 78 kes. Jenis kenderaan yang sering terlibat di dalam kemalangan itu adalah motokar.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bersabit dengan kemalangan, bolehkah Yang Berhormat Menteri berkenaan memberi tahu apakah langkah telah diambil untuk mencegah orang awam menggunakan Jambatan Pulau Pinang untuk membunuh diri sendiri? Memandang keadaan sejak jambatan itu dibuka pada tahun 1985 yang lalu nampaknya Jambatan Pulau Pinang telah menjadi satu tempat yang favourite, dengan izin, untuk orang awam membunuh diri sendiri termasuk orang awam yang mempunyai masalah keluarga ataupun hati telah pecah (*Ketawa*) ataupun mengalami masalah kewangan dan sebagainya, jadi bolehkah beri tahu satu figure, dengan izin, berapa orang telah membunuh diri sendiri dan apakah langkah akan diambil untuk

mencegah mereka membunuh diri sendiri dengan jambatan itu?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, seperti apa saya dapat tahu, *Jambatan Pulau Pinang telah menjadi* satu jambatan yang popular yang ketiga dalam dunia ini, tetapi baru-baru jambatan ini pun terkenal untuk bunuh diri kepada rakyat jelata di dalam tanahair kita.

Jawapan kepada Ahli Yang Berhormat dari Rasah itu, yang pertamanya, kemalangan yang telah berlaku iaitu kemalangan seperti apa saya kata tadi motokar dan lain-lain bukanlah atas kesalahan jalan atau lain-lain; ini kesalahan pemandu-pemandu kereta sendiri.

Yang kedua, saya telah mengarahkan kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia untuk mengadakan lebih kereta peronda di Jambatan Pulau Pinang yang mana kita tidak boleh mengizinkan sesiapa keluar daripada kereta mereka dan keluar daripada, dengan izin, balustrade yang kita ada sekarang.

Satu kes, dua atau tiga bulan yang lalu yang mana kereta peronda nampak seorang suka juga membuang jiwa beliau iaitu membunuh diri, kita tangkap beliau tetapi pun sudah jatuh dalam laut; tetapi insya Allah (*Ketawa*) pegawai itu telah pun masuk ke dalam laut untuk menyelamatkan jiwa orang itu. Pada masa sekarang saya dapat tahu polis telah mengadakan satu dakwaan atas beliau yang telah mengambil keputusan untuk membunuh diri sendiri. Walau bagaimanapun, saya harap kepada rakyat jelata dan juga kepada siapa-siapa yang ada juga masalah-masalah kewangan, itu kita tidak boleh selesai; tetapi masalah-masalah seperti seorang cinta dengan orang lain, dia suka bunuh diri, saya mintalah laki-laki janganlah hati banyak keras

(*Ketawa*) kepada perempuan atau girl friend mereka. Saya harap itu boleh jadi (*Ketawa*).

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan jawapan-jawapan yang diberi oleh Menteri yang berkenaan, didapati bahawa kutipan-kutipan yang diperolehi daripada tol Jambatan Pulau Pinang ini bukan hanya tidak cukup membayar pokok pinjaman tetapi pun tidak cukup untuk membayar faedah atau bunga. Jikalau perkara yang begitu rumit, adakah Menteri bercadang seperti yang dicadangkan di dalam Dewan ini di mana kita dapati KTM hendak ditawarkan kepada sesiapa yang mempunyai minat untuk menjalankan service itu? Adakah Menteri yang berkenaan bercadang untuk menswastakan Jambatan Pulau Pinang ini yang diberikan harga \$1 sahaja? Jikalau ada, berilah sebabnya; jikalau tidak ada, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Yang Berhormat Menteri itu untuk mengatasi kerugian yang dialami pada masa sekarang oleh kerana ini adalah satu projek rugi dan kerugian itu

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, cukuplah, panjang sangat.

Tuan Lau Dak Kee: Sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Cukuplah, sudah fahamlah soalan itu. Sila Menteri jawab.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Pusat telah mengambil Jambatan Pulau Pinang sebagai satu kehendak kepada rakyat, bukan sahaja untuk mendapat untung atau mengutip lebih wang daripada tol Jambatan itu. Walau bagaimanapun, ada juga rancangan-rancangan sekarang untuk memperbaiki keadaan ini.

Satu di antara rancangan itu ialah kita menurunkan kadar tol supaya membolehkan lebih pengguna-pengguna menggunakan Jambatan itu. Yang kedua ialah dengan jalan-jalan yang kita buat di dalam Negeri Pulau Pinang itu ianya boleh menggalakkan lebih pengguna-pengguna menggunakan Jambatan Pulau Pinang pada masa akan datang sebab ramai di antara mereka menggunakan feri sekarang kerana dengan menggunakan feri, mereka boleh sampai ke George Town lebih awal. Jikalau mereka gunakan Jambatan Pulau Pinang, mereka memakan masa dan mereka ada juga masalah-masalah trafik bila mereka mengikuti dengan "green lane" dan lain-lain. Sebab itu pada masa sekarang Kerajaan telah membelanja lebih daripada \$32 juta untuk mengadakan jejambat dan lain-lain. Dengan kemudahan-kemudahan seperti itu dan dengan kita menurunkan harga tol, saya harap pada masa hadapan ramai penduduk-penduduk di Pulau Pinang ataupun penduduk-penduduk di Tanah Besar boleh digalakkan menggunakan jambatan itu. Dengan itu kita boleh membayar pokok dan juga faedah yang kita mesti bayar balik kepada agensi-agensi yang mana kita meminjam wang untuk membina jambatan itu.

PERMOHONAN KEWARGA- NEGARAAN

2. **Dr Eng Seng Chai** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada berapa permohonan kewarganegaraan yang belum diluluskan selepas tempoh masa (a) tiga tahun (b) lima tahun (c) sepuluh tahun dan (d) limabelas tahun.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, permohonan kewarganegaraan yang masih dalam

pertimbangan pada masa ini adalah seperti berikut:

- (a) Permohonan-permohonan yang melebihi 3 tahun—5,117 orang
- (b) Permohonan-permohonan yang melebihi 5 tahun—4,523 orang
- (c) Permohonan-permohonan yang melebihi 10 tahun atau lebih—Tiada

Dr V. David: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan beri keterangan dalam Dewan ini berkenaan dengan rakyat yang memohon atas Borang "C" berapa lamakah mereka hendak menunggu untuk mendapatkan kewarganegaraan?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, pemberian taraf kewarganegaraan merupakan anugerah yang tertinggi negara kepada mereka yang sebelumnya adalah bukan warganegara. Oleh yang demikian, Kerajaan terpaksa menyiasat dengan teliti dan menyemak dengan rapi setiap pemohon-pemohon dalam borang-borang permohonan mereka. Dengan sebab itu tidak dapat diberi tarikh yang tepat bagi sesuatu permohonan yang dapat diluluskan kerana tiap-tiap kes mempunyai masalah-masalahnya yang tersendiri.

Tuan Hu Sepang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Timbalan Menteri berkenaan memberitahu apakah langkah yang akan diambil untuk mempercepatkan permohonan-permohonan kewarganegaraan ini dan adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa baru-baru ini seorang pemohon telah membunuh diri sendiri oleh kerana rasa kecewa gagal mendapat Sijil Kewarganegaraan?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Kementerian Dalam Negeri telah menjalankan kerjanya dengan cukup

cepat. Kalau kita lihat semenjak kita mencapai kemerdekaan, daripada 3,051,054 permohonan, Kementerian Dalam Negeri telah dapat memproses 3,045,321 permohonan, iaitu merupakan 99.81%. Angka yang sedikit tadi merupakan peratus yang cukup kecil yang belum siap.

Tentang soalan yang kedua, saya tidak sedar.

BAKAL HAJI KE MEKAH— ANJURAN SWASTA

3. Tuan Othman bin Abdul minta Perdana Menteri menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk memastikan bakal-bakal haji yang berdaftar dengan pihak swasta tidak tertipu seperti yang berlaku baru-baru ini; apakah sebab-sebab sebenar bakal-bakal haji ini tidak dapat menunaikan fardhu haji.

19. Tuan Mohamed Subky bin Haji Abdul Raof minta Perdana Menteri menyatakan terdapat baru-baru ini ramai masyarakat Islam di kawasan Utara Semenanjung yang hendak mengerjakan haji melalui satu badan pelancong swasta telah tidak dapat menunaikan fardhu haji disebabkan penipuan yang dilakukan oleh pihak penganjur swasta. Di samping itu, dari apa yang difahamkan pihak swasta berkenaan menyalahkan Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Sikap serta perbuatan mereka sungguh memalukan Lembaga Urusan dan Tabung Haji, lebih-lebih lagi Kerajaan;

- (a) apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan kepada pihak berkenaan; dan
- (b) pada masa-masa akan datang adakah Kerajaan masih membenarkan pihak penganjur swasta membawa jemaah haji selain dari Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

7-11-1986

14. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan berapa ramai jemaah haji yang terkandas (tidak dapat pergi menunaikan haji pada tahun Hijrah 1406) akibat berurusan dengan syarikat swasta (bukan LUTH). Apakah sebab-sebab utama berlakunya kejadian seperti itu dan syarikat manakah yang terlibat, dan apakah langkah Kerajaan untuk menghindarkan kejadian seperti itu berulang lagi. Nyatakan berapa pula jumlahnya yang dihantar pulang ke Malaysia kerana sebab-sebab yang sama.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdul Ajib bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan-soalan mengenai perkara yang sama dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Balik Pulau pada hari ini juga dan Yang Berhormat dari Bachok pada 7hb November, 1986.

Mengikut seksyen kecil (2) seksyen 67A Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji (Pindaan) 1973, Lembaga dengan kelulusan Menteri boleh membenarkan seseorang atau sesuatu kumpulan orang, sama ada ia diperbadankan atau tidak, menjalankan atau membuat urusan mengatur perjalanan udara ke Jeddah bagi maksud menunaikan Haji. Kebenaran ini boleh diberi sama ada dengan bersyarat atau tanpa bersyarat.

Tiap-tiap tahun terdapat lebih kurang 5% daripada jemaah Haji Malaysia yang menunaikan fardhu haji mereka melalui pihak swasta mengikut peruntukan seksyen kecil (2) seksyen 67A Akta ini. Saya tidak dapat memberikan dengan tepat sebab-sebabnya mereka telah memilih untuk menunaikan fardhu haji mereka melalui pihak swasta kerana pilihan

mereka adalah berasaskan soal-soal peribadi. Sungguhpun demikian, bolehlah dirumuskan bahawa soal ekonomi dan fahaman politik merupakan pertimbangan utama yang mempengaruhi seseorang itu menggunakan pihak swasta untuk menunaikan fardhu haji mereka.

Walau bagaimanapun, sejak Sistem Muassasah dilaksanakan bilangan jemaah haji yang menunaikan fardhu haji melalui pihak swasta telah berkurangan kerana syarat-syarat ketat telah dikenakan mengenai perumahan, kenderaan dan urusan di Arafah dan Mina. Pengeluaran Visa Haji juga turut diperketatkan oleh Kerajaan Arab Saudi termasuk peraturan baru mulai tahun ini di mana jemaah haji dari sesebuah negara disyaratkan pergi ke Tanah Suci melalui Syarikat Penerbangan Kebangsaan atau penerbangan SAUDIA sahaja.

Sebuah syarikat pelancongan swasta telah gagal untuk mengaturkan urusan pemergian jemaah haji melalui kapal laut dan kapal terbang seperti yang dirancangan. Setelah gagal, pihak swasta yang berkenaan telah berusaha membuat urusan dengan Tabung Haji untuk menerima jemaah haji yang seramai 516 orang melalui penerbangan Charter Haji MAS. Bagi Lembaga Urusan dan Tabung Haji permohonan daripada syarikat swasta ini boleh diterima tetapi tiap-tiap jemaah haji adalah disyaratkan untuk mencukupkan simpanan haji masing-masing sebanyak \$5.000 seorang sebelum tarikh yang ditetapkan iaitu 30hb April, 1986. Syarat ini adalah syarat yang sama dikenakan kepada jemaah haji yang lain. Walau bagaimanapun, syarikat tersebut hanya dapat menyediakan wang naik haji bagi 199 orang sahaja dan bakinya seramai 317 orang telah terkandas seperti yang tersedia maklum.

Sehubungan dengan ini juga perlu dinyatakan bahawa syarikat swasta berkenaan telah cuba menyandarkan sekeping geran tanah sebagai cagaran kepada Tabung Haji untuk melepaskan jemaah hajinya bertolak ke Tanah Suci. Tetapi setelah diperiksa, didapati geran tanah yang hendak dicagarkan itu bukanlah hak milik tuan punya syarikat swasta tersebut. Tanah berkenaan yang bernilai lebih kurang \$150,000 adalah tanah pertanian kepunyaan seorang Cina dan dengan yang demikian tawaran itu telah ditolak.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengelakkan perkara seperti ini dari berlaku lagi di masa-masa yang akan datang, jemaah haji akan dinasihatkan supaya berurus terus dengan Lembaga Urusan Tabung Haji tanpa melalui orang tengah dan mencukupkan wang simpanan mereka dua bulan sebelum tarik bertolak ke Tanah Suci. Selain daripada itu syarat-syarat pengendalian jemaah haji swasta akan diperketatkan lagi bagi menjamin kepentingan jemaah haji dilindungi.

Akhirnya adalah dinyatakan bahawa selain daripada peristiwa di atas, tiada jemaah haji Malaysia yang terkandas di Tanah Suci atau yang dihantar pulang sebelum menunaikan fardhu Haji pada musim haji yang lalu.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak Yang Berhormat Menteri sedar bahawa baki 317 orang yang mendaftar dengan pelancongan swasta ini yang diketuai oleh seorang calon PAS Kepala Batas mendakwa bahawa mereka ditolak oleh Tabung Haji, sebab itulah mereka tidak boleh menunaikan fardhu haji. Apakah langkah-langkah Kerajaan ataupun tindakan lanjut Kerajaan untuk membersihkan nama Tabung Haji yang dicemar oleh kumpulan pelancongan yang diketuai oleh calon PAS Kepala Batas ini?

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, pada peringkat permulaan, dakwaan seperti yang dibuat oleh Yang Berhormat tadi itu memang betul telah dilemparkan terhadap Tabung Haji. Tetapi setelah beberapa pertemuan diadakan dengan jemaah haji tersebut dan kedudukan sebenarnya diterangkan kepada mereka, mereka telah pun memahami di atas kedudukan yang sebenarnya.

Tuan Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau tadi sudah jelas jawapan daripada Menteri bahawa pihak swasta yang menganjurkan ini kita tahu adalah terdiri daripada tokoh PAS yang bertanding di kawasan Kepala Batas, mungkin telah mempergunakan wang bakal haji ini untuk pertandingan dalam pilihanraya tersebut. Apa yang saya hendak tanyakan

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, tidak boleh ada sangkaan buruk kepada mana-mana pihak.

Tuan Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan tidakkah Kerajaan boleh menyekat pihak swasta menganjurkan urusan jemaah haji ini. Biarlah urusan jemaah haji ini hanya dijalankan oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji sahaja.

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya sebutkan tadi, Akta Lembaga Urusan Tabung Haji sebenarnya membenarkan pihak swasta mengendalikan urusan pemergian ke Tanah Suci bagi jemaah-jemaah haji yang memilih untuk menggunakan perkhidmatan yang diberikan oleh pihak swasta ini. Cuma apa yang boleh dilakukan oleh pihak Tabung Haji ialah untuk mengetatkan syarat-syarat yang sedia ada supaya kepentingan jemaah haji itu akan dapat

dipeliharakan. Di dalam hal ini, saya suka mengambil kesempatan pada hari ini untuk memberi tahu bahawa jawapan saya di atas soal Tabung Haji ini belumlah begitu jelas dan saya suka mengambil kesempatan untuk menyatakan bahawa saya akan memberi laporan yang sejelas-jelasnya ketika saya menggulung perbahasan Belanjawan tidak beberapa hari lagi di dalam Dewan ini.

MAS—HAK PENDARATAN DI LUAR NEGERI

4. Tuan Hu Sepang minta Menteri Pengangkutan menyatakan langkah-langkah Kerajaan bercadang mengambil untuk membantu MAS mendapat hak-hak pendaratan yang lebih di negara-negara asing untuk membantu MAS meluaskan kegiatan-kegiatannya kerana MAS nampaknya sedang menuju ke arah sebuah "blind alley" setiap kali ia berunding dengan Kerajaan-kerajaan asing untuk mendapatkan hak-hak pendaratan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan bahawa rundingan-rundingan mengenai perjanjian udara bagi tujuan memperolehi hak-hak pengangkutan trafik serta hak-hak pendaratan di destinasi-destinasi luar negeri untuk sistem penerbangan MAS adalah diurus dan dibincangkan di peringkat Kerajaan secara rundingan bi-lateral dengan negara-negara asing yang berkenaan itu.

Oleh itu di dalam perkara ini, Kerajaan sememangnya membuat perancangan awal untuk menentu dan mengadakan rundingan-rundingan yang difikirkan perlu diadakan bagi mendapat persetujuan negara-negara asing yang berkenaan itu dan usaha-usaha ini dijalankan berterusan. Sebenarnya Kementerian Pengangkutan dan MAS sentiasa memberi perhatian berat terhadap

usaha-usaha bukan sahaja untuk meluaskan rangkaian perkhidmatan antarabangsa MAS tetapi juga untuk menarik lebih banyak lagi syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa supaya mengadakan perkhidmatan mereka ke Malaysia. Bagi tujuan mencapai matlamat ini, penyelarasan yang rapat juga diadakan di peringkat syarikat-syarikat penerbangan asing itu di mana mereka membuat kajian permintaan pasaran dan destinasi-destinasi baru serta mengadakan perbincangan-perbincangan bersama untuk unjuran-unjuran penerbangan tambahan yang diperlukan.

Semua hasil kajian dan perbincangan ini akan diambil kira oleh kedua-dua pihak Kerajaan yang berkenaan apabila mengadakan rundingan-rundingan perjanjian udara. Sungguhpun demikian perlu saya maklumkan bahawa tidaklah semua rundingan berhasil. Ini ialah kerana setiap negara mempunyai kepentingan nasional serta dasar industri penerbangannya sendiri dan apa-apa tawar menawar serta tolak ansur yang dilakukan oleh kedua belah pihak dalam rundingan-rundingan perjanjian udara akan mengambil kira semua faktor-faktor tersebut.

Tuan Hussein bin Haji Taib: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini saya terbaca bahawa MAS sedang merundingkan pendaratan Kuala Lumpur/Cairo dan saya dapat tahu pula yang terakhir ini pihak GARUDA akan membuat operasi penerbangan Jakarta/Kuala Lumpur-Kuala Lumpur/Cairo. Apakah ini menunjukkan MAS gagal dalam rundingan bagi mendapatkan pendaratan di destinasi tersebut.

Kedua, baru-baru ini MAS juga ada menjual syernya sebanyak 15% ke negara-negara Eropah dan United States. Apakah penjualan saham-saham MAS ini oleh pihak Kerajaan merupakan satu usaha bagi

mendapatkan lebih banyak lagi pendaratan kita di negeri-negeri Eropah dan Amerika Syarikat.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan kedua, tidak perlu saya jawab, kerana itu di luar daripada soalan asal.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya, saya agak pun begitu juga.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Berkenaan dengan soalan pertama, perbincangan dengan Cairo dan GARUDA ini, sebenarnya ini merupakan tambahan, bukannya kegagalan, tetapi perundingan untuk menambah penerbangan kita ke negara-negara yang berkenaan.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebenar tadi, beliau ada menyebut bahawa pihak MAS sedang berunding dengan negara-negara asing untuk mendapat hak pendaratan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu Dewan ini nama negara asing yang berkenaan dan bagaimanakah perkembangannya setakat ini, bagaimana pula sambutan dan apakah peluang kita untuk mendapat hak pendaratan?

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita tidak menghadapi sebarang kegagalan kecuali kalau kedua-dua negara itu tidak memastikan lagi perkara-perkara yang detail. Setakat hari ini negara-negara yang mempunyai perjanjian udara dengan Malaysia, jumlah semua sekali ialah 43, kalau saya hendak bacakan agak memakan masa yang panjang. Tetapi di akhir-akhir ini kita ada membuat perbincangan dengan negara Belanda (Netherlands) dan dengan German Barat. Hasilnya amat memuaskan tetapi dengan negara Belanda itu MAS mengadakan satu penerbangan

seminggu ke Amsterdam pada jalan Kuala Lumpur-Dubai-Amsterdam-London dengan menggunakan pesawat 747. Tetapi permintaan MAS untuk mengadakan penerbangan tambahan adalah berasaskan kepada peningkatan perkhidmatan trafik pada jalan yang tersebut di tahun-tahun kebelakangan. Di akhir rundingan tersebut kedua-dua pihak bersetuju untuk menanggungkan dahulu tetapi bukan bermakna membatalkan tetapi menanggungkan perbincangan bagi membolehkan kedua-dua buah negara mengkaji dengan lebih detail lagi soal trafik tadi.

Berkenaan dengan Jerman Barat, kita telah pun mengadakan rundingan pada 13hb dan 14hb November di Bonn. Tujuan rundingan ini adalah untuk mencapai persetujuan dengan Kerajaan Jerman Barat mengenai penerbangan tambahan kepada kedua-dua syarikat berkenaan iaitu MAS dan LUFTHANSA di antara Malaysia dan Jerman Barat.

Pada masa sekarang ini MAS mengadakan dua penerbangan seminggu ke Jerman Barat; LUFTHANSA pula sekarang mengadakan dua penerbangan seminggu ke Malaysia mengikut jalan-jalannya iaitu Frankfurt-Dubai-Kuala Lumpur-Melbourne-Sydney dengan menggunakan pesawat 747nya.

Selain daripada perundingan penerbangan tambahan, rundingan tersebut akan juga membincangkan hak-hak trafik bagi kedua syarikat penerbangan berkenaan di bawah perjanjian udara Malaysia-Jerman Barat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Datuk Haji Sakaran bin Dandai.

(Soalan No. 5 Y.B. Datuk Haji Sakaran bin Dandai tidak hadir)

RUMAH KOS RENDAH— PROGRAM KHAS

6. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah kemajuan yang telah dibuat setakat ini bagi membina 80,000 unit rumah harga rendah setahun bagi masa tiga tahun yang akan datang di bawah Rancangan Khas Perumahan Harga Rendah dan apakah langkah-langkah telah diambil oleh Kerajaan bagi menentukan bahawa matlamat itu dicapai.

Timbalan Menteri Perumahan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sejumlah 166,800 unit rumah kos rendah telah dikenal pasti untuk pelaksanaan dalam tempoh 1986-1988 di bawah program khas perumahan kos rendah. Pecahan angka ini mengikut tahun adalah seperti berikut:

1986	94,438	unit
1987	49,898	..
1988	22,469	..
		<hr/>	
JUMLAH	..	166,805	..

Angka-angka ini terutamanya bagi tahun 1987 dan 1988 adalah tidak muktamad dan dijangka akan bertambah dari masa ke semasa.

Bagi tahun 1986 daripada angka yang saya sebutkan tadi 94,438 unit yang akan dilaksanakan, kemajuan yang telah dicapai adalah seperti berikut:

Kelulusan berkaitan dengan tanah	10,879	unit
Kelulusan pelan bangunan	33,921	..
Lesen pemaju dan permit iklan yang dikeluarkan	16,362	..
Pengeluaran hakmilik	43,056	..
Pemilihan pembeli	32,474	..
Kelulusan End & Bridging Finance	27,160	..

Pembinaan rumah (ini termasuklah kerja-kerja awal seperti kerja tanah) 21.062 unit

Kerajaan telah pun mengambil beberapa langkah bagi memastikan pencapaian matlamat yang telah ditetapkan untuk program khas perumahan awam kos rendah. Pada asasnya semua langkah-langkah yang dimaksudkan memberi penekanan kepada dua aspek:

- (1) Menggalakkan penyertaan yang lebih aktif dari sektor swasta melalui insentif-insentif tertentu.
- (2) Meningkatkan permintaan berkesan di kalangan pembeli-pembeli rumah. Antara langkah-langkah yang dimaksudkan ialah:
 - (i) mengujudkan jawatan-kuasa-jawatankuasa tertentu di peringkat Pusat dan Kerajaan Negeri bagi menyelaraskan pelaksanaan program khas ini;
 - (ii) menyediakan peruntukan kewangan yang mencukupi bagi tujuan pembiayaan projek perumahan;
 - (iii) penyediaan garis panduan-garis panduan tertentu bagi menjelas dan mempercepatkan pelaksanaan program;
 - (iv) memberi kelonggaran atau memudahkan facilities, dengan izin, kepada pembeli untuk mendapatkan pinjaman perumahan; dan
 - (v) penggunaan pelan-pelan seragam.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tentang sama ada garis-

paduan-garis panduan ataupun guidelines, dengan izin dalam bahasa Inggeris, yang diputuskan di antara pihak pemaju perumahan dan pihak Kerajaan dan juga agensi-agensi yang berkenaan di peringkat negeri telah dapat dilaksanakan khususnya mengenai penubuhan apa yang saya sifatkan sebagai one-stop agency, dengan izin, untuk melaksanakan skim rancangan khas perumahan kos rendah.

Yang keduanya, suka saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang jenis perbincangan yang diadakan baru-baru ini di antara Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dengan Persatuan Pemaju-pemaju Perumahan dan juga agensi-agensi Kerajaan mengenai perlaksanaan rancangan khas perumahan harga rendah ini dan saya ingin mendapat tahu apakah hasil yang dapat dicapai daripada mesyuarat itu.

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan yang pertama ini, Jawatankuasa-jawatankuasa ini telah pun diwujudkan di peringkat negeri dan hasilnya sepertimana yang saya katakan tadi kita dapat melancar beberapa ribu rumah—hari ini 21,000 telah pun mula kerja-kerja awal pembinaan itu dan banyak lagi rumah-rumah yang lain seperti 33,000 unit lagi masih menunggu kelulusan pelan bangunan. Jadi, ini memangnya wujud dan nampaknya sudah pun berjalan dan keduanya kita akan mengadakan satu Jawatankuasa Petugas yang akan monitor atau mengawal dengan telitinya supaya program ini berjalan sepertimana yang kita rancang.

Berkenaan dengan perjumpaan antara Timbalan Perdana Menteri dan juga beberapa agensi Kerajaan dan juga pihak swasta yang akan melaksanakan program ini, hasilnya itu sangat memuaskan kerana kita dapat mengenal pasti dengan berterus-

terang apakah masalah-masalah yang perlu kita mengatasi dan bukan sahaja untuk memberi gambaran yang cantik tetapi juga bagi kita untuk mengetahui masalah-masalah itu dan mencari jalan-jalan untuk mengatasi masalahnya.

Saya berharap kalau Yang Berhormat dari Bukit Bintang bersabar saya rasa tahun yang kita maksudkan bagi tahun 1986 untuk membina rumah-rumah ini adalah bermula dari tarikh perlancongan iaitu 1-6-86 hingga 31-7-87. Apa yang saya perhatikan di dalam pembinaan rumah kita perlukan masa sebanyak 18 bulan. Jadi dalam masa yang dihadkan itu kemungkinan kita akan dapat menyediakan rumah-rumah sebanyak 80% dari segi pembinaannya.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar ada beberapa pihak pemaju yang menghadapi kesulitan yang begitu besar untuk memperolehi pinjaman daripada bank-bank dalam negeri dan setelah mereka memperolehi pinjaman daripada luar negeri bank-bank dalam negeri tidak akan memberikan bank guarantee untuk menerima wang daripada luar negeri? Apakah tindakan yang akan diambil oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menyelesaikan masalah pinjaman oleh pemaju-pemaju dalam negeri?

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya difahamkan hari ini ialah untuk projek perumahan khas itu, Kerajaan telah pun menjaminkan wang sebanyak \$2 billion atau \$2,000 juta untuk yang dikatakan program rumah khas ini. Ini bermakna \$1.5 billion daripada bank-bank ataupun institusi-institusi kewangan di dalam negeri dan sebanyak \$0.5 billion ataupun \$500 juta diperuntukkan daripada Bank Negara yang disediakan oleh Kerajaan.

Di samping itu berasing dengan projek program rumah khas ini, program perumahan seperti biasa juga perlu dilaksanakan juga dan kewangan ada diperuntukkan sebanyak \$2.5 billion untuk perumahan yang lain seperti rumah high cost, medium cost ataupun medium low cost. Hanya untuk rumah berharga \$25,000 ke bawah ini sebanyak \$2 billion memang diperuntukkan untuk program rumah khas ini.

Masalah yang dikatakan tadi, rasa saya sekiranya mereka itu mendapat masalah, mereka itu hendaklah pergi ke tiga bank. Kalau satu itu gagal, pergilah yang kedua; kalau yang kedua gagal, pergi ke yang ketiga. Kalau yang ketiga ini gagal juga, memang ada satu Jawatankuasa di Bank Negara yang sedang mengawal dengan teliti perkara ini dan pemaju-pemaju ini bolehlah mengadu masalah mereka itu kepada pihak Bank Negara supaya dapat mereka mencari jalan untuk mengatasinya.

BUKU TEKS/BUKU BACAAN

7. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau sedar bahawa kemudahan-kemudahan seperti buku teks dan buku bacaan lain adalah kurang, di kebanyakan sekolah rendah di seluruh negeri Sarawak iaitu sekolah rendah yang jauh dari bandar. Jika sedar, apakah langkah positif yang diambil oleh beliau supaya masalah ini diatasi dengan secepat mungkin memandangkan pendidikan itu adalah penting. Adakah Kementerian bercadang supaya SRK Long Luping, Lawas, Sarawak dibekalkan dengan satu alat "radio call" memandangkan ianya adalah jauh dari stesen yang mempunyai alat perhubungan.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Woon See Chin): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sentiasa berusaha untuk mengadakan

berbagai kemudahan seperti buku teks dan bahan bacaan di semua sekolah termasuk sekolah-sekolah di pedalaman di Sarawak dan Sabah. Buku teks dibekalkan kepada semua murid yang layak menerima bantuan di bawah Skim Pinjaman Buku Teks Kerajaan dan bahan-bahan bacaan pula dibekalkan kepada murid-murid Tahap 1 KBSR mengikut kelas.

Pembekalan dan pengedaran buku teks dibuat oleh pihak penerbit berdasarkan permohonan yang dibuat oleh pihak sekolah. Bagi sekolah-sekolah yang jauh di pedalaman, pihak Kementerian Pelajaran sentiasa mengambil perhatian yang berat mengenai pembekalan buku teks di sekolah-sekolah berkenaan dengan mengarahkan pihak penerbit memberi keutamaan untuk membekalkan buku-buku teks ke sekolah-sekolah di pedalaman, terutama di Sabah dan Sarawak. Di samping itu, pihak Kementerian juga sentiasa mengesan pembekalan buku teks di sekolah-sekolah tersebut.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima, peruntukan sebanyak \$6.4 juta telah diberikan bagi kemudahan buku teks dan bacaan bagi negeri Sarawak. Mengenai pembelian alat "radio-call" pada masa itu, Kementerian belum lagi bercadang untuk membekalkan alat berkenaan ke sekolah-sekolah.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada 24hb Oktober, 1986 Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mencadangkan supaya Skim Pinjaman Buku-buku Teks dikaji oleh pihak Kerajaan dan selepas mendengar jawapan daripada Timbalan Menteri Pelajaran, saya ingin mendapat tahu sama ada pihak Kementerian Pelajaran kini sedang mengkaji semula pinjaman buku-buku teks dan sekiranya ada, apakah jenis-jenis sekolah dan negeri-negeri manakah

yang akan hilang kelayakan untuk menikmati Skim Pinjaman Buku-buku Teks ini?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Soalan terkeluar daripada tajuk. Untuk negeri Sarawak sahaja, saya tidak benarkan.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, kalau untuk Sarawak pun beliau boleh jawab.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Kalau Sarawak sahaja, boleh.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian sedang mengkaji satu dasar yang baru yang lebih adil untuk semua negeri-negeri yang berada di Malaysia. Sebab itu tidak ada langsung sesuatu negeri yang akan hilang kelayakan untuk menerima Skim Pinjaman Buku Teks.

SYARIKAT-SYARIKAT KERAJAAN MENGALAMI KERUGIAN

8. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Kewangan menyatakan mengenai kemajuan yang dicapai oleh pasukan petugas yang ditubuhkan oleh Kementerianya untuk "rationalise" 900 syarikat-syarikat Kerajaan supaya syarikat-syarikat yang mengalami kerugian akan ditutup sementara yang lain dipertingkatkan prestasi dan daya pengeluarannya.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah pun di jawab oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan semasa membentangkan Ucapan Belanjawan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Sudah dijawab, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana sudah dijawab, saya ada soalan tambahan yang timbul daripada jawapannya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Sila.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa Ucapan Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak dengan tepatnya menjawab soalan ini dan kenapa Yang Berhormat Timbalan Menteri mahu lari dan elak daripada satu jawapan yang tepat sama ada Kerajaan ada satu skim dan program untuk mengurangkan beban rakyat dalam perkara 900 syarikat-syarikat di mana Kerajaan ada ekuiti, sama ada Kerajaan berhasrat untuk mengurangkan beban ini dengan cara yang pertama, menswastakan semua syarikat-syarikat tersebut, dan kalau ada, syarikat-syarikat tidak boleh diswastakan oleh kerana tidak ada orang yang mahu, bubarkan, tutup syarikat itu.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong adalah orang yang pertama diberi peluang untuk bercakap sewaktu dibincangkan Belanjawan dan boleh timbulkan semua perkara-perkara yang disebutkan tadi, kita jawablah waktu kita jawab besok (*Tepuk*).

JALANRAYA ENKILILI-LUBOK ANTU

9. Tuan Andrew Janggi Muiyang minta Menteri Kerjaraya menyatakan sejauh manakah rancangan-rancangan yang telah, sedang dan akan dijalankan untuk membina jalanraya dari Engkilili/Nanga Kumpang/Lubok Antu di Negeri Sarawak yang telah diluluskan oleh Kerajaan untuk pembinaan.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek membina jalanraya dari Engkilili/Nanga Kumpang/Lubok Antu tidak diluluskan di dalam Rancangan Malaysia Kelima. Walau bagaimanapun, Kementerian Kerjaraya memang merancang untuk membina jalanraya-jalanraya utama di jalan-jalan masuk ke kampung di negeri Sarawak. Memandangkan kewangan tidak mencukupi, beberapa projek jalanraya yang dirancangan terpaksa ditangguhkan termasuk jalanraya Engkilili, Nanga Kumpang dan juga Lubok Antu. Walau bagaimanapun, pemandu-pemandu dari Engkilili yang hendak ke Lubok Antu bolehlah menggunakan jalan yang sedia ada melalui Nangkasan Semanju ke Lubok Antu. Projek-projek jalanraya adalah diluluskan mengikut keutamaan. Keutamaan diberi kepada projek-projek jalanraya yang menghubungkan bandar-bandar besar oleh kerana jalan yang sedia ada bolehlah digunakan untuk ke Lubok Antu. Keutamaan membina jalanraya Engkilili/Nanga Kumpang/Lubok Antu adalah rendah.

Dr Nicholas Munong Iba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Minta Menteri Kerjaraya menerangkan sama ada Menteri Kerjaraya bertanggungjawab memperbaiki jalan-jalan, dengan izin, feeder roads di Sarawak? Jika ya atau tidak, pihak mana yang bertanggungjawab oleh kerana ada feeder roads, dengan izin, yang terbiar sahaja dan tidak dapat dilalui oleh kenderaan.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Rajang, Menteri Kerjaraya bertanggungjawab untuk Jalanraya Persekutuan (Federal). Tetapi jalan-jalan yang sedia ada masuk dalam kuasa Kerajaan Negeri dan kuasa itu ialah daripada Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun,

Kerajaan Pusat telah dan sedang memberi geran kepada mereka tiap-tiap tahun iaitu \$13 ribu sekilometer. Jikalau Kerajaan Negeri suka menggunakan wang itu untuk memperbaiki jalan atau tidak, tidak masuk dalam kuasa Yang Berhormat Menteri untuk bertanya kepada kuasa Kerajaan Negeri atau Pengarah Negeri adakah mereka menggunakan wang itu untuk memperbaiki jalan atau tidak. Saya harap jikalau boleh perkara ini boleh ditimbulkan di peringkat Negeri oleh Yang Berhormat.

MAHASISWA YANG MENGANGGUR

10. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Buruh menyatakan bilangan mahasiswa (i) universiti tempatan, dan (ii) universiti asing, yang masih menganggur menjelang bulan Oktober, 1986. Apakah peratusan mahasiswa ini bila dibanding dengan jumlah yang menganggur dan telah meminjam wang daripada Kerajaan semasa mereka di dalam universiti, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kerajaan terhadap mereka jika pembayaran balik wang gagal dibuat. Adakah pihak Kerajaan bercadang untuk memberi pertimbangan khas kepada kumpulan mahasiswa ini baik dari segi perlanjutan tempoh masa pembayaran balik mahupun dari segi pemberian peluang-peluang pekerjaan.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, maksud soalan dari Ahli Yang Berhormat adalah kurang jelas oleh kerana mahasiswa yang sedang belajar sama ada di universiti tempatan atau universiti asing tidak ditakrifkan sebagai penganggur. Namun demikian, jika Ahli Yang Berhormat maksudkan siswazah-siswazah yang menganggur, bilangan mereka sebagaimana yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga

Rakyat di seluruh negara di bawah Kementerian saya sehingga bulan September, 1986 ialah seramai 1,953 orang. Haruslah dimaklumkan di sini bahawa bukan semua siswazah-siswazah yang menganggur berdaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat di bawah Kementerian saya. Oleh itu saya tidak dapat memberi peratusan siswazah-siswazah yang menganggur berbanding dengan jumlah orang yang menganggur pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi siswazah yang belum menjelaskan pinjaman pelajaran, mereka hendaklah berunding dengan agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan. MARA sebagai contoh, telah menetapkan tempoh 6 bulan dari tarikh tamat pengajian mereka untuk mula membayar balik pinjaman mereka secara beransur-ansur. Tetapi bagi mereka yang masih menganggur, selepas 6 bulan itu pihak MARA akan menimbangkan tempoh lanjutan bagi pembayaran balik di antara 2 hingga 6 bulan. Kebenaran seterusnya bagi melanjutkan tempoh pembayaran balik mungkin dipertimbangkan oleh MARA bergantung kepada keadaan dan sebab-sebab sebenar seseorang siswazah itu masih menganggur.

Mengenai pertimbangan khas pula dari segi peluang-peluang pekerjaan, Kerajaan memang ada berbagai-bagai skim terutamanya "Skim Khidmat Sambilan" untuk memberi peluang pekerjaan kepada 2,000 orang siswazah bagi tempoh 6 bulan mulai 1hb Julai, 1986 dengan bayaran elaun sebanyak \$600 sebulan bagi siswazah universiti dan \$500 sebulan kepada pemegang-pemegang diploma.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah skim di dalam LLN yang baru-baru ini diumumkan termasuk dalam skim yang disebutkan tadi?

Kedua, ialah bagi siswazah-siswazah yang dapat biasiswa daripada Kerajaan terpaksa bekerja dengan Kerajaan kerana disyaratkan dalam kontrak. Sekarang tidak ada kerja di dalam Kerajaan, adakah Kerajaan bercadang untuk memansuhkan semua perjanjiannya supaya mereka bebas untuk mencari kerja di tempat yang lain.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan kepada soalan bahagian yang pertama, saya tidak pasti sama ada apa yang dibuat oleh Lembaga Letrik Negara ini termasuk dalam apa yang telah saya berikan tadi.

Bagi bahagian yang kedua ini Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya sudah keluar daripada tajuk asal kerana tajuk ini menanyakan bilangan yang mendapat pinjaman, maka soalan tambahan tadi adalah biasiswa, biasiswa dengan pinjaman berbeza.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada masalah pengangguran di kalangan siswazah dan peluang pekerjaan.

Saya ingin bertanya sama ada sedia wujud ataupun tidak satu National Manpower Planning, dengan izin, di peringkat Kementerian Buruh. Ekoran daripada sama ada wujud ataupun tidak rancangan kebangsaan itu, apakah langkah-langkah, unjuran ataupun tindakan seterusnya yang dibuat oleh pihak Kementerian Buruh untuk memadamkan dalam jangka masa yang panjang antara keperluan tenaga rakyat dengan latihan yang sewajarnya diberikan kepada tenaga rakyat kita.

Dato' Wan Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Manpower Planning ini bukan terletak ataupun diuruskan oleh Kementerian saya sahaja, ada banyak Jabatan dan Kementerian yang terlibat, misalnya

di Jabatan Perdana Menteri sendiri ada terlibat berkenaan dengan Manpower Planning. Oleh yang demikian, saya tidak dapat menjawab dengan tepat soalan daripada Yang Berhormat melainkan terpaksalah Yang Berhormat yang berkenaan juga menanya kepada Jabatan-jabatan dan Kementerian yang lain yang terlibat dengan Manpower Planning.

LAPORAN BMF—PENYIASATAN

II. Dr V. David minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau menyedari laporan BMF oleh Tan Sri Ahmad Noordin telah disalurkan kepada 6 orang peguam oleh Bank Bumiputra. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu Dewan apakah tindakan yang telah diambil sehingga kini, dan jika orang-orang yang terlibat dalam Skandal BMF telah didakwa mengikut undang-undang.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, Bank Bumiputra Malaysia Berhad (BBMB) memang telah menyalurkan Laporan-laporan penyiasatan mengenai BMF itu kepada peguam-peguamnya. Ini bertujuan untuk membolehkan Laporan tersebut dikaji dengan teliti sebelum tindakan-tindakan selanjutnya dapat diambil ke atas orang-orang yang terlibat dengan skandal di Hong Kong itu.

Berhubung dengan tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil oleh Bank Bumiputra Malaysia Berhad terhadap orang-orang yang terlibat dalam skandal BMF itu, jawapan telah pun diberi di Dewan yang mulia ini pada 13hb Oktober yang lalu.

Dr V. David: Tuan Yang di-Pertua, di masa akan datang adakah Kerajaan mahu mengambil tindakan ke atas orang-orang tempatan yang masuk campur, dengan izin, BMF scandal, atau mahu tutup perkara ini.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa fahan, tetapi saya agak-agak sahajalah (*Ketawa*) sama ada hendak ambil tindakan terhadap orang dalam negara ini, sebenarnya orang dalam negara ini yang ada di sinikah, atau orang negara ini yang tidak ada di sini? Yang kita jawab pada 13hb Oktober, 1986 ada menyebutkan perkara itu. Saya harap Yang Berhormat baca semula *Hansard* yang keluar pada 14hb Oktober, 1986 yang mana kita jawab perkara itu pada 13 haribulan.

NELAYAN DI SARAWAK— KESULITAN

12. Tuan Douglas Uggah Embas minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar tentang kesulitan yang dihadapi oleh kaum nelayan di Sarawak ketika musim tengkujuh yang panjang, jika ya, apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk membolehkan mereka melibatkan diri dalam kegiatan sambilan sebagai sumber pendapatan semasa musim tengkujuh.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhah Wan): Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan sedar bahawa kaum nelayan di Sarawak menghadapi kesulitan ketika musim tengkujuh. Langkah yang diambil bagi membolehkan mereka mendapat pendapatan semasa musim tengkujuh ialah:

- (i) mengadakan skim kredit supaya nelayan dapat memiliki unit menangkap ikan yang lebih sesuai untuk dikerjakan sepanjang tahun;
- (ii) memberi kemudahan kredit bagi melibatkan diri dalam kegiatan ternakair;
- (iii) bot yang kurang dari 25 GRT (Gross Tonnage) diberi kebenaran memukat udang dalam kawasan 3 batu dari pantai;

(iv) projek-projek Bersepadu di Saribas/Pusa dan Samarahan menyediakan kemudahan/ peluang kepada nelayan yang ada dalam kawasan tersebut untuk melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan berasaskan pertanian;

(v) penubuhan kompleks pendaratan ikan di Kuching, Sibul, Miri, Sarikei, Mukah dan Bintulu membolehkan nelayan meningkatkan pendaratan dan seterusnya melibatkan diri dari aspek pemerosesan ikan dalam musim tidak ke laut; dan

(vi) nelayan diberi latihan dalam lain-lain bidang kegiatan ekonomi.

MALAYSIA OVERSEAS INVESTMENT CORPORATION (MOIC)

13. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) sejauh mana penglibatan Kerajaan Dalam "Malaysia Overseas Investment Corporation" atau Sogoshosa yang telah Muflis (bankrupt) itu; dan
- (b) adakah dasar Sogoshosa itu masih dilanjutkan atau telah diberhentikan.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Seremban, menurut fasal 23 (1) (p) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat, bila sesuatu pertanyaan yang telah diberi jawapan penuh tidak boleh dikeluarkan sekali lagi dalam penggal Majlis sekarang ini. Jawapan kepada soalan Yang Berhormat telah pun Yang Berhormat Mulia Menteri Perdagangan dan Perindustrian huraikan dengan sepenuhnya pada 20hb Oktober yang lalu.

Tuan P. Pato: Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamad Amin bin Haji Daud): Tidak pasti adalah Yang Berhormat. Yang Berhormat duduk dahulu.

Tuan P. Pato: Point of order. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamad Amin bin Haji Daud): Point of order dan berkenaan dengan

Tuan P. Pato: 23 (1) (f) adalah mengenai pertanyaan yang dikemukakan sebelum Dewan bersidang dan sewaktu Soal Jawab dan dalam Dewan. Jadi, Perintah Tetap yang diumumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu agaknya salah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamad Amin bin Haji Daud): 23 berapa yang Yang Berhormat?

Tuan P. Pato: 23 (1) (f) adalah berkenaan dengan pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan sebelum Dewan bersidang selepas surat diterima oleh Ahli-ahli Dewan. Bukan, itu salah (*Ketawa*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamad Amin bin Haji Daud): Yang di-Pertua

Tuan P. Pato: (d). Apa yang dikatakan tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu mengenai jawapan yang dikatakan telah pun diberi dalam Dewan ini pada 20 haribulan. Oleh kerana soal yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban adalah pertanyaan yang dikemukakan sebelum Dewan ini bersidang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamad Amin bin Haji Daud): Saya bersekolah kepada Timbalan Menteri sahaja. Saya hendak menjawab ataupun tidak menjawab kerana mengikut Peraturan

Mesyuarat, kalau Timbalan Menteri tidak mahu menjawab, boleh.

Dato Kok Wee Kiat: Saya tidak patut jawab, kerana Peraturan-peraturan Mesyuarat ini terang.

MAKANAN HALAL—JUALAN

14. Tuan Teoh Teik Huat minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sebab-sebab di sebalik arahan yang dikeluarkan oleh Pejabat Kemajuan Negeri Pulau Pinang berkehendakkan semua penjaja-penjaja bumiputera dan bukan bumiputera yang menjalankan perniagaan mereka di Kompleks yang didirikan oleh Pejabat Kemajuan Negeri Pulau Pinang menjual makanan halal sahaja; dan
- (b) adakah arahan ini akan ditarik balik memandangkan ramai penjaja-penjaja di Kompleks Taman Selara, Hillside, Tanjong Bungah, Pulau Pinang terpaksa menggulung tikar akibat kurang pelanggan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Noor): Tuan Yang di-Pertua, tujuannya ialah untuk membolehkan orang ramai dari semua golongan bangsa dan agama untuk melanggni gerai-gerai itu tanpa merasai sebarang halangan kerana adanya makanan yang tidak halal bagi mereka. Tambahan pula bagi yang tidak memerlukan makanan halal, mereka mempunyai pilihan yang banyak di tempat-tempat penjaja-penjaja makanan yang lain.

Mengenai dengan perkara yang kedua, satu kajian sedang dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Tuan Teo Teik Huat: Soalan tambahan, Tuan Speaker. Jabatan Kemajuan Negeri Pulau Pinang ada

berkaitan dengan Pejabat Perdana Menteri. Adakah arahan ini dikeluarkan oleh Pejabat Kemajuan Negeri Pulau Pinang untuk negeri Pulau Pinang sahaja atau untuk lain-lain negeri.

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Noor: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini hanyalah di Pulau Pinang, tidak kena mengena dengan Jabatan Perdana Menteri.

SEKOLAH SWASTA—BANTUAN

15. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan akan memperuntukkan semula wang bantuan kepada semua sekolah menengah swasta seperti yang diperuntukkan oleh Perdana Menteri dan Timbalannya kepada Sekolah Menengah Shen Jai dan Sekolah Menengah Poi Lam di Ipoh sebelum pilihanraya umum tahun ini. Jika tidak, kenapa, oleh kerana ini hanya merupakan salah satu helah memancing undi di dalam pilihanraya dan tidak memberi layanan adil kepada semua kaum di dalam pelajaran bahasa ibundanya.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran tidak akan memberi bantuan kepada semua sekolah swasta. Ini disebabkan masih terdapat banyak lagi sekolah-sekolah yang dipertanggungjawabkan oleh Kementerian Pelajaran yang memerlukan perhatian dan bantuan sepenuhnya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dengan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri maka selesailah Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut pada hari ini.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5, 16 hingga 20 adalah diberi di bawah ini).

HOSPITAL DAERAH SEMPORNA

5. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar, bahawa Hospital Daerah Semporna perlu dibesarkan memandangkan bilangan penduduk daerah tersebut pada hari ini sudah menjangkau lebih 100 ribu orang yang mana sangat-sangat memerlukan sebuah hospital yang lengkap dengan alat-alat perubatan. Pada masa ini jika ada pesakit yang tenat atau memerlukan rawatan kecemasan maka terpaksa dihantar ke Hospital Tawau. Memandangkan perjalanan daripada Semporna ke Tawau memakan masa lebih satu jam, kadangkala agak sulit bagi pesakit yang memerlukan rawatan kecemasan untuk diselamatkan. Jika sedar, bilakah rancangan untuk membesarkan hospital tersebut akan dimulakan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Kementerian Kesihatan sentiasa memberi perhatian dan pertimbangan sewajarnya kepada keperluan perkhidmatan kesihatan bagi penduduk-penduduk di seluruh negara Malaysia, terutama bagi kawasan-kawasan di luar bandar dan terpencil. Daerah Semporna di Sabah mempunyai penduduk seramai 70,000 orang. Di Hospital Daerah Semporna, Kementerian Kesihatan sedang merancang untuk pelaksanaan suatu projek Jabatan Pesakit Luar dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RML), untuk mengelakkan sesakan yang berlaku di Wad Bersalin di mana perkhidmatan pesakit luar diberi pada masa ini. Projek ini akan mengandungi di antara lain, Jabatan Kecemasan dan Kemalangan yang akan mengambil kira teknologi perubatan semasa.

DASAR EKONOMI BARU— PELAKSANAAN

16. **Tuan R. Karpal Singh** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan menyambung pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru selepas tahun 1990.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Siti Zahara binti Haji Sulaiman): Soalan Ahli Yang Berhormat mengenai sama ada Kerajaan akan menyambung pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru selepas tahun 1990 telah pun dijawab oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir pada 8hb Oktober, 1986 di Dewan yang Mulia ini. Saya ingin menegaskan bahawa usaha-usaha mestilah diteruskan selepas tahun 1990 untuk menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat bagi mencapai perpaduan negara. Strategi, rancangan dan dasar-dasar ekonomi yang baru akan dirangka untuk meneruskan lagi usaha-usaha menghapuskan kemiskinan dan mengatasi mana-mana ketidakseimbangan yang wujud.

Sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tempoh pelaksanaan DEB adalah tidak penting. Apa yang lebih penting ialah usaha ke arah pencapaian matlamat DEB untuk terus mengurangkan keadaan tidak seimbang antara kaum di negara ini.

HAKIM DI SABAH— JAWATAN

17. **Tuan Gerard Math Lee Min** minta Menteri Kehakiman menyatakan berapa banyakkah tempat yang ada pada Hakim. "Sessions Court Presidents" dan Majistret di Sabah. Jika terdapat kekosongan, mengapakah tempat-tempat ini tidak dipenuhkan. Dan mengapakah "Commercial Courts" tidak didirikan di Sabah.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Pada 10hb Oktober 1986 Ahli Yang Berhormat dari Gaya itu semasa berucap membahaskan Titah Di Raja di Dewan ini beliau telah membangkitkan perkara-perkara yang sama, dan saya telah memberi penjelasan mengenai semua perkara yang ditimbulkan itu semasa menggulung perbahasan tersebut pada 14hb Oktober 1986.

UNDANG-UNDANG SYARIAH/ SECULAR

18. **Dr Eng Seng Chai** minta Menteri Kehakiman menyatakan sama ada cadangan mencantum Undang-undang Syariah dengan Undang-undang "secular; (secular laws)", dan jika ada cadangan begitu bilakah cadangan ini akan dilaksanakan.

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Noor: Buat masa sekarang Kerajaan tidak bercadang untuk mencantum Undang-undang Syariah dengan undang-undang "secular" (secular laws).

(Soalan No. 19. Sila lihat Jawapan No. 3)

HOSPITAL BESAR PULAU PINANG

20. **Tuan Mohamad Subky bin Haji Abdul Raof** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Hospital Besar Pulau Pinang yang mana cerucuk asas telah pun dijalankan beberapa tahun yang lalu, akan tetapi bangunan yang sempurna belum lagi dibina. Sedangkan bangunan yang ada sekarang sudah

tidak dapat menampung pesakit-pesakit yang perlu tinggal di hospital. Oleh itu:

- (a) bilakah bangunan yang sempurna itu hendak dibina;
- (b) berapa jumlah kos perbelanjaan bagi menanam cerucuk serta bangunan baru itu; dan
- (c) berapa jumlah katil yang akan disediakan bagi Kelas Satu, Dua dan Tiga.

Dato' K. Pathmanaban: Kementerian Kesihatan sedar bahawa kerja-kerja cerucuk bagi Blok Perkhidmatan Pusat Hospital Besar Pulau Pinang telah siap dijalankan dalam tahun 1982. Pembinaan seterusnya tidak dapat dijalankan dalam Rancangan Malaysia Keempat oleh kerana tidak mencukupi peruntukan. Jawapan bagi pertanyaan-pertanyaan Yang Berhormat itu adalah seperti berikut:

- (a) Projek ini telah diluluskan untuk pelaksanaan dalam Rancangan Malaysia Kelima. Pembinaan akan bermula apabila peruntukan diperolehi.
- (b) Kos yang telah dibelanjakan bagi menanam cerucuk ialah sebanyak \$2.4 juta dan anggaran kos kerja-kerja pembinaan super struktur serta melengkapkan bangunan ialah \$49 juta.
- (c) Projek ini telah dirancang untuk dibina secara dua fasa. Fasa pertama yang akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelima, mengandungi unit-unit perkhidmatan sampingan, serta Unit Rawatan Khas dan Unit Rawatan Sakit Jantung. Fasa kedua adalah blok wad-wad, yang mempunyai 250 katil. Pengagihan katil mengikut kelas belum ditetapkan lagi.

USUL

ATURAN URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 14 (2), Dewan ini membuat keputusan iaitu sebelum meneruskan pertimbangannya di atas Perkara 1 dalam Aturan Urusan Mesyuarat dan Usul-usul untuk hari ini, ia akan terus menimbang dahulu Perkara 2 iaitu Usul atas nama Menteri Kesihatan.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Bujang bin Haji Uli): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul ini disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 14 (2), Dewan ini membuat keputusan iaitu sebelum meneruskan pertimbangannya di atas Perkara 1 dalam Aturan Urusan Mesyuarat dan Usul-usul untuk hari ini, ia akan terus menimbang dahulu Perkara 2 iaitu Usul atas nama Menteri Kesihatan.

AKTA PERUBATAN 1971

Penguatkuasaan Bahagian VII

3.38 ptg.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk

membentangkan satu ketetapan di bawah seksyen 39 (3) Akta Perubatan tahun 1971 iaitu:

Bahawa Majlis ini membuat ketetapan, bahawa mengikut peruntukan seksyen kecil (3) seksyen 39 Akta Perubatan 1971, Bahagian VII Akta itu hendaklah terus berkuatkuasa bagi tempoh 5 tahun lagi mulai 1hb Oktober, 1986.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, Akta Perubatan 1971, itu mengemukakan syarat-syarat pendaftaran dan amalan bagi pengamal-pengamal perubatan. Bahagian VII Akta itu yang mengandungi seksyen-seksyen 39 hingga 44 adalah merupakan peruntukan tambahan yang diwujudkan untuk maksud kepentingan negara. Bahagian ini memberi kuasa kepada Kerajaan mewajibkan seseorang doktor berkhidmat dengan Kerajaan bagi tempoh yang tertentu. Peruntukan ini yang berkuatkuasa pada 1hb Oktober, 1971 hanyalah bagi tempoh 5 tahun sahaja.

Parlimen telah membuat ketetapan untuk melanjutkan tempoh kuatkuasa ini selama 5 tahun lagi pertama kalinya pada tahun 1976. Parlimen juga telah meluluskan tempoh perkhidmatan wajib itu ditambah daripada 2 tahun kepada 3 tahun. Pada tahun 1981 Parlimen sekali lagi telah meluluskan perlanjutan tempoh kuatkuasa bahagian 7 itu selama 5 tahun lagi dan tempoh perkhidmatan wajib itu dikembalikan kepada 3 tahun. Tempoh kuatkuasa ketetapan itu telah tamat pada 30hb September, 1986 iaitu tahun ini dan Kerajaan berpendapat bahawa peruntukan ini hendaklah dilanjutkan selama 5 tahun lagi demi kepentingan pemberian perkhidmatan kesihatan kepada rakyat jelata kita.

Seksyen 40 dan 41 memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Kesihatan untuk mengarahkan semua pegawai

perubatan yang telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam bagi tempoh 3 tahun terus menerus. Satu masalah besar yang sentiasa dihadapi oleh Kementerian Kesihatan ialah kekurangan pegawai-pegawai perubatan warganegara yang sanggup terus berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan setelah tamat tempoh latihan housemanshipnya. Sungguhpun Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha untuk memperbaiki syarat-syarat perkhidmatan bagi pegawai-pegawai perubatan serta memperluaskan peluang-peluang kenaikan pangkat dan latihan untuk mereka ramai pegawai-pegawai perubatan masih lagi meninggalkan perkhidmatan Kerajaan dalam tempoh di mana perkhidmatan mereka sangat diperlukan.

Perkhidmatan wajib pegawai-pegawai perubatan yang diperuntukkan di bawah Akta Perubatan 1971 ialah untuk menghadapi masalah kekurangan pegawai dalam Perkhidmatan Perubatan. Ianya adalah satu-satunya faktor yang membolehkan Kementerian Kesihatan memberi perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang luas, bermutu tinggi seimbang dan berterusan bagi semua rakyat di negara kita.

Pegawai-pegawai perubatan ini bukan sahaja berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan, bahkan juga dengan Kementerian Pertahanan, Fakulti-fakulti Perubatan di universiti-universiti tempatan dan Badan-badan Kerajaan dan Separa Kerajaan yang lain. Usaha mengembang dan meningkatkan lagi perkhidmatan-perkhidmatan perubatan dan kesihatan di bawah Rancangan Malaysia Kelima terutamanya di luar bandar di Sabah dan di Sarawak akan memerlukan lebih banyak lagi pegawai-pegawai perubatan. Sungguhpun pengeluaran pegawai-pegawai perubatan atau doktor dari

universiti-universiti tempatan dan luar negeri akan bertambah dalam masa-masa akan datang, akan tetapi bilangan pegawai yang diperlukan untuk menampung perkembangan perkhidmatan perubatan dan kesihatan di negara kita jua akan bertambah. Oleh itu Kementerian Kesihatan memerlukan seberapa ramai pegawai-pegawai perubatan yang mempunyai kelayakan tiap-tiap tahun untuk berkhidmat dengan Kerajaan.

Masalahnya pada masa ini ialah kita tidak mencukupi bekalan tenaga doktor pada amnya di negara kita. Nisbah doktor kepada penduduk pada masa ini ialah satu doktor untuk 3,167 penduduk. Matlamat kita adalah untuk meningkatkan bekalan doktor sehingga nisbah itu mencapai satu doktor untuk 2,200 penduduk pada tahun 1990.

Adalah harapan kita bahawa nisbah ini akan maju lagi dan seluruh kawasan dan rakyat dapat menikmati perkhidmatan doktor dan perubatan dengan mudah dan secara yang dalam kemampuan mereka. Keluaran doktor dari tiga buah universiti tempatan pada tahun 1986 adalah 300 orang dan lebihkurang 150 doktor lagi yang dilatih di luar negeri dijangka mendaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia.

Jumlah bekalan pada masa sekarang ialah 450 doktor setahun. Jumlah bekalan doktor pada tahun 1990 nanti dijangka akan sampai ke angka lebih dari 500 setahun. Jumlah pegawai perubatan yang meletakkan jawatan pada tahun-tahun baru-baru ini ialah lebihkurang 195 orang setiap tahun. Persaraan berjumlah lebih kurang 20 setahun.

Jadi kedudukan pengisian jawatan pegawai-pegawai perubatan dalam Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan akan bertambah baik tetapi keperluan Kerajaan untuk tenaga doktor bagi mengisi kekosongan pada

masa ini serta memenuhi keperluan perkhidmatan pada tahun-tahun yang akan datang akan terus menjadi perkara yang rumit. Mengekalkan pegawai-pegawai perubatan dalam Perkhidmatan Kerajaan adalah menjadi masalah di mana-mana negara pun.

Tambahan lagi pula kebanyakan pegawai-pegawai perubatan yang meletakkan jawatan terdiri dari mereka yang baru dan yang beberapa tahun sahaja telah menyempurnakan perkhidmatan wajib mereka. Ini menunjukkan bahawa jika perkhidmatan wajib itu tidak dikenakan maka kemungkinan besar lebih ramai lagi akan meletakkan jawatan pada tiap-tiap tahun dan menjejaskan dasar dan rancangan Kerajaan untuk memberi perkhidmatan kesihatan dan perubatan yang sempurna.

Berdasarkan asas-asas pertimbangan ini adalah jelas bahawa Kementerian Kesihatan masih lagi menghadapi kekurangan pegawai-pegawai perubatan. Peruntukan Bahagian VII Akta Perubatan 1971 itu sejak mula berkuatkuasanya telah membantu Kerajaan mengurangkan masalah kekurangan pegawai perubatan ini, selain daripada memberi latihan yang lebih menyeluruh kepada doktor-doktor muda pada amnya. Oleh yang demikian Kerajaan memerlukan peruntukan Bahagian VII Akta Perubatan tahun 1971 itu diteruskan tempoh kuatkuasanya supaya perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang sempurna dan bermutu tinggi dapat dibekalkan kepada rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya sekarang ini terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kepong.

3.45 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai seorang doktor yang pernah berkhidmat di dalam Angkatan Tentera menurut seksyen kecil (3) ini semasa ianya dikuatkuasakan pada tahun 1971 dan 15 tahun selepas itu, kita masih terpaksa kembali ke Parlimen untuk meneruskan tempoh perkhidmatan paksaan, perkhidmatan diwajibkan, di dalam Dewan yang mulia ini. Ini menunjukkan satu kelemahan ataupun satu kegagalan Kementerian Kesihatan untuk memelihara kesihatan rakyat Malaysia.

Soal yang pokoknya, mengapa hanya pengamal-pengamal perubatan dipenalised, dikhaskan, diistimewakan dengan khidmat diwajibkan. Mengapa ahli-ahli ekonomi termasuk Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, dia pakar di dalam perangkaan dan ekonomi, mengapa perkhidmatan mereka tidak diwajibkan? Ini soalan yang pokok. Sebenarnya Akta seperti ini adalah juga untuk akitek, untuk jurutera kerana bilangan akitek dan jurutera ada banyak, dan Akta tidak dikuatkuasakan—hanya untuk doktor sahaja. Saya berpendapat hanya melanjutkan tempoh ini tidak akan menyelesaikan masalah kekurangan doktor kerana masalah kesihatan ini bukan tersekat kepada masalah doktor sahaja, masalah menyeluruh. Saya hendak menekankan di sini beberapa langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam tempoh 15 tahun ini, adalah tidak mencukupi

Tuan Ismail bin Said: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang

Berhormat, ada yang bangun, minta laluan.

Tuan Ismail bin Said: Tadi Yang Berhormat dari Kepong menyatakan beliau pernah berkhidmat sebagai doktor dengan Angkatan Tentera. Saya ingin bertanya beliau, kenapa beliau berhenti daripada berkhidmat dengan Angkatan Tentera, sama ada beliau mementingkan peribadi ataupun mementingkan negara.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak tabulah Yang Berhormat dari Kemaman ada berkhidmat dalam perkhidmatan wajib ataupun tidak. Kalau tidak, mungkin tidak berapa wajar ataupun tidak berapa waras bagi beliau untuk menanya orang yang pernah berkhidmat. Adakah Yang Berhormat pernah berkhidmat? Tidak? Kalau tidak, saya mencadangkan mulai daripada tahun hadapan dia berkhidmat secara wajib.

Tuan Ismail bin Said: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Ismail bin Said: Saya pernah berkhidmat dengan Kerajaan.

Dr Tan Seng Giaw: Perkhidmatan wajibkah?

Tuan Ismail bin Said: Sukarela.

Dr Tan Seng Giaw: Sukarela, oh! Jadi saya mencadangkan di sini supaya Kerajaan mewajibkan perkhidmatan beliau kepada rakyat Malaysia dan kepada Kerajaan. Itulah satu cara yang adil.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Ahli dari Kepong sama ada beliau faham atau tidak Usul yang dibawa pada hari

ini, iaitu kita minta supaya diwajibkan. Sekarang inipun ada 4,000 graduan yang kalau kita wajibkan mereka bekerja dengan Kerajaan, mereka seronok, kerana mereka tidak mendapat pekerjaan. Jadi yang kita wajibkan itu adalah bidang-bidang di mana kita dapati kekurangan, tetapi kalau kita dapati berlebihan, kita tidak wajibkan kerana mereka itu memang hendak kita wajibkan supaya mereka dapat pekerjaan.

Dr Tan Seng Giaw: Ahli Yang Berhormat tadi itu, dia masih kurang faham di dalam hal profession ini, kurang faham langsung, cuma hendak mengalihkan perhatian sahaja. Ini satu sikap yang tidak begitu betul, fikiran yang sempit dan kesempitan fikiran inilah tidak patut dibangkitkan hal-hal yang begitu remeh-temeh, tidak tahu hal itu di dalam perbahasan ini—hal perubatan, iaitu pengamal perubatan diwajibkan untuk berkhidmat.

Apa yang saya cadangkan ialah untuk mewajibkan semua, termasuk Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, bukan wajib untuk kekal sebagai Menteri atau Timbalan Menteri, tetapi wajib untuk bekerja untuk rakyat.

Dato' K. Pathmanaban: Untuk penjelasan. Ahli Yang Berhormat dari Kemaman tadi ada mengatakan, walaupun tidak wajib, dia dengan sukarela berjasa kepada negara iaitu dengan tampil ke hadapan bekerja. Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu pula diwajibkan, tetapi selepas itu, dia lari (*Ketawa*) (*Tepuk*). Jadi apakah sikap tanggungjawabnya?

Dr Tan Seng Giaw: Sebenarnya saya tidak lari dan masuk ke Dewan Rakyat ini juga, tidak lari langsung, kerana tempoh itu 3 tahun sahaja, sudah diwajibkan 3 tahun, saya pun berhenti untuk memasuki Dewan Rakyat ini.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Saya hendak bertanya kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong, sama ada beliau bermaksud daripada ucapan beliau tadi supaya Kerajaan kita sentiasa menghadapi masalah kekurangan doktor?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kemaman itu sudahlah hendak kata (*Ketawa*)—susah, kerana di dalam kawasan Kemaman juga ada satu pelabuhan tidak dipermodenkan, tidak dijalankan dengan betul dan dia tidak menumpukan perhatian ke situ, sebaliknya dia hendak menumpukan perhatian kepada doktor pula.

Apa yang saya hendak tekankan di sini, dengan hanya melanjutkan tempoh perkhidmatan diwajibkan ini, tidak akan menyelesaikan masalah kekurangan doktor. Ini soal yang pokok.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya pun seorang doktor juga, mungkin faham sedikit apa yang telah pun dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu. Pada hemat saya ialah apa yang telah pun disampaikan oleh Ahli Yang Berhormat itu jelas menunjukkan betapa tak setianya beliau kepada negara kita ini oleh kerana kita sepatutnya merasa bangga dan saya sendiri merasa bangga dapat berkhidmat dengan secara wajib dengan Kerajaan buat masa yang begitu pendek sekali, 3 tahun yang mana selepas kita keluar dari universiti atau, dengan izin, Medical School, kita perlu mendapatkan satu pengalaman di hospital untuk menjadi seorang doktor yang berguna kepada masyarakat. Tanpa pendedahan dan pengalaman di hospital dalam negara-negara tertentu itu, tentu kita tidak dapat menjadi seorang doktor yang sempurna. Maka dari apa yang telah saya dengar petang ini, yang mana

Ahli Yang Berhormat itu mengatakan perasaan yang begitu negatif

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Apakah penjelasan yang Ahli Yang Berhormat hendak tahu daripada beliau?

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, penjelasannya adakah beliau masih lagi mengatakan perkhidmatan yang diwajibkan itu satu perkara yang tak berguna, patut dimansuhkan. Adakah pihak beliau mengakui bahawa ianya baik dan penting kepada pembangunan negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Sila jawab.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Dr tadi mengambil kesempatan untuk berhujah. Saya fikir baik beliau itu belajar dahulu untuk membuat penjelasan dan saya di sini hendak menerangkan bahawa saya memang suka untuk berkhidmat, semasa saya ada dengan angkatan tentera, saya benar-benar berkhidmat untuk negara dan saya pun berpendapat semua doktor hendaklah berkhidmat sama ada di desa atau dengan angkatan tentera untuk memahami masalah negara. Itu soal yang lain. Masalah kita di sini yang saya ingin tekankan di sini, hanya dengan melanjutkan tempoh perkhidmatan yang diwajibkan itu tidak akan menyelesaikan masalah kekurangan doktor—masalah kesihatan.

Ahli Yang Berhormat tadi itu patut dapat meneliti keadaan yang sebenarnya. Apa yang saya hendak

Tuan Ismail bin Said: Tadi Ahli Yang Berhormat dari Kepong mengatakan bahawa dengan cara melanjutkan tempoh perkhidmatan wajib doktor-doktor dengan Kerajaan

tidak akan menyelesaikan masalah kekurangan doktor di negara ini. Saya minta Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu memberitahu Dewan ini apakah caranya?

Dr Tan Seng Giaw: Ah! (*Ketawa*) Ahli Yang Berhormat dari Kemaman itu balik ke pangkal yang betul. Caranya yang pertama dan yang terpenting mengadakan Suruhanjaya Di-Raja untuk menyasiat semua masalah yang terdapat di dalam soal kesihatan, yang tidak berani diadakan setakat ini. Itulah soalnya yang pokok.

Dato' K. Pathmanaban: Untuk penjelasan. Ahli Yang Berhormat itu cakap pandai tetapi dia tak mahu jawab soalan, dia minta Suruhanjaya, tumpang tugaskan kepada orang lain. Kalau pandai, cadangkanlah di sini, kita akan jawab (*Tepuk*).

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan itu susahlah, dan kedua-duanya hendak bantu—saling membantu, tetapi akhirnya tidak begitu berfaedah. Tidak begitu berfaedah kerana soal pokok beliau tak mahu. Tadi Ahli Yang Berhormat dari Kemaman hendak tahu cara untuk mengatasi masalah kesihatan ini. Cara yang betul ialah dengan mengadakan satu Suruhanjaya Di-Raja. Tetapi Ahli Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan itu takut. Kalau diadakan Suruhanjaya Di-Raja ini macam "mengacau sarang tebuhan" kerana banyak tebuhan di dalam Kementerian Kesihatan juga. Itulah masalahnya.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa perkara berbangkit dengan melanjutkan tempoh perkhidmatan yang diwajibkan ini. Saya berharap dengan ketetapan yang akan diluluskan di sini, Kementerian Kesihatan dapat memberhentikan penguatkuasaan sub-section kecil ini sejurus selepas bilangan doktor bertambah dan mengikut angka-angka

yang kita diberitahu tadi, kira-kira 450 doktor akan dikeluarkan tiap-tiap tahun. Angka ini menunjukkan tidak lama lagi bilangan doktor akan bertambah dengan banyaknya dan dengan bertambah banyak itu, saya berharaplah sub-section kecil ini penguatkuasaannya dapat di-berhentikan dengan serta merta supaya memberi keadilan dan kesaksamaan kepada semua rakyat, bukan semata-mata menumpukan keistimewaan ini kepada doktor sahaja.

Dan aspek yang kedua yang penting, saya berharap Kementerian Kesihatan semasa menguatkuasakan sub-section ini memastikan bahawa semua doktor di dalam perkhidmatan wajib ini diberikan layanan dengan adil dan saksama. Saya berharap tidak akan wujud masalah pilih kasih, masalah perkauman dan sebagainya. Misalnya, oleh kerana seorang doktor itu kenal orang-orang besar, orang-orang yang berpengaruh, dia tidak

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Sila Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat dari Kepong, semasa beliau menjalankan tugas wajib apakah jawatan beliau pada masa itu. Pangkat apa?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang doktor dan sebagai seorang doktor pakar, saya diberi yang pertamanya jawatan Kapten dan selepas itu jadi Major.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau Yang Berhormat dari Kepong tak jadi doktor, sekiranya dia masuk tentera biasa, mungkin pangkat Kapten pun dia tak dapat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Batu Pahat itu dia hendak penjelasan atau dia mengambil kesempatan sahaja (*Ketawa*). Dia sebagai akauntan, itu dia patut diwajibkan juga.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Tadi Yang Berhormat pernah berkata bahawa dalam Kementerian Kesihatan ini banyak tebuhan-tebuhan. Jadi, apa yang dimaksudkan. Kalau yang dimaksudkan itu doktor, jadi bermakna termasuk juga Yang Berhormat dahulu semasa bertugas sebagai Major.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sarang tebuhan ini ada banyak di dalam perkhidmatan Kerajaan termasuk Kementerian Kesihatan. Kementerian Pelajaran juga ada. Ada juga kerana

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Sarang tebuhan yang macam mana?

Dr Tan Seng Giaw: Macam ini. Dia ada banyak kesalahan, kesilapan dan sebagainya di dalam, dengan izin, dead wood dan ada orang yang menyeleweng, kecurangan dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang itu sarang tebuhan?

Dr Tan Seng Giaw: Dia ada orang-orang seperti itulah. Mafia-mafia belaka di dalamnya (*Ketawa*).

Di dalam Kementerian Kesihatan pun begitu. Ada setengah itu tak baik juga kerana orang-orang seperti inilah, Mafia-mafia ini Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan tidak berani mengadakan Suruhanjaya Di Raja untuk menyiasat dengan teliti apa sebenarnya yang terjadi dengan Kementerian Kesihatan dan Perkhidmatan Kesihatan di seluruh negara. Dia tak

berani, dia tak berani mendapat tahu hakikat dan kenyataan itu kerana menjadi Timbalan Menteri Kesihatan itu dia jadi satu yang menutupi semua yang tidak betul, seolah-olah hendak jadi orang yang bohong. Yang sebenarnya dia tak bayangkan di sini, dia tak terangkan di sini, yang tidak betul itu dia terangkan untuk menutupi kesilapan dan kesalahannya.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya mengatakan bahawa saya berharap pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memastikan bahawa semua doktor yang menjalankan tugas di dalam perkhidmatan yang diwajibkan ini dapat dihantar ke kawasan-kawasan pendalaman dan sebagainya, termasuk Angkatan Tentera dengan secara adil dan saksama tanpa pilih kasih dan sebagainya sebab di dalam pengalaman saya, walaupun saya pilih untuk masuk ke Angkatan Tentera, tetapi ada kawan-kawan yang dihantar di kawasan-kawasan pendalaman dan ada juga kerana setengahnya mengenal orang-orang kenamaan dia tidak dihantar ke kawasan-kawasan pendalaman, yang kebanyakan tidak mahu pergi dan dia tetap ada di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur. Perkara ini tidak seharusnya berlaku lagi kerana ini menjejaskan semangat doktor.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi perkhidmatan doktor ini setahu saya—sekarang bagi doktor-doktor yang muda yang baru sahaja hendak keluar untuk membuka klinik swasta. Ini susah, hendak mengadakan klinik swasta sama ada di dalam bandar ataupun di luar bandar susah—bukan mudah dan saya percaya sekiranya keadaan perkhidmatan di dalam Kerajaan ada suasana yang baik, syarat-syarat yang baik, kebanyakan doktor tidak akan keluar daripada perkhidmatan Kerajaan kerana susah. Kalau keluar pun hendak buka klinik swasta susah dan dengan bertambahnya bilangan doktor

Tuan Ismail bin Said: Tertib Mesyuarat 35 (6).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Tertib Mesyuarat.

Dr Tan Seng Giaw: 25 (6)?

Tuan Ismail bin Said: 35 (6), saya minta Yang Berhormat isytiharkan kepentingan beliau ini, jika sekiranya beliau mempunyai kepentingan kewangan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): “35 (6) Seseorang ahli tidak boleh bercakap berkenaan dengan apa-apa perkara yang ada dalamnya faedah kewangan yang tepat bagi dirinya jika tidak diterangkan sebanyak mana faedah bagi dirinya dalam perkara itu”. Boleh buat keterangan sedikit, kalau ada.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soal ini tidak bangkit kerana saya sebagai seorang Pengarah Perubatan yang established tidak menjejaskan saya langsung. Yang saya terangkan dan cakapkan di sini untuk doktor-doktor yang muda, yang baru keluar daripada universiti itu. Maksud saya begitu. Untuk perkhidmatan diwajibkan pun begitu juga, untuk doktor-doktor yang baru keluar daripada universiti.

Tuan Ismail bin Said: Penjelasan. Apa yang saya faham daripada ucapan Yang Berhormat dari Kepong tadi bahawa beliau lebih suka doktor-doktor yang baru keluar daripada universiti supaya membuka klinik swasta dan saya percaya oleh kerana beliau ada mempunyai klinik swasta sendiri, mungkin beliau akan mengambil doktor-doktor yang baru keluar daripada universiti ini bekerja dengan beliau.

Dr Tan Seng Giaw: Oh! Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kemaman ini kurang faham mengenai

hal perubatan. Itulah masalah yang timbul. Kalau dia ada masa, kita boleh berbincang, semasa keluar daripada Dewan yang mulia ini.

Yang penting sekali itu doktor-doktor yang keluar itu dia muda lagi, dia tidak mempunyai kepakaran, tidak seperti saya di dalam kepakaran yang tertentu (*Ketawa*) dan doktor-doktor muda tidak dapat menyertai saya. Jadi, yang penting sekali itu saya berharap

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, saya beri 3 minit lagi.

Dr Tan Seng Giaw: 3 minit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Sudah lama.

Dr Tan Seng Giaw: Ini perkara yang penting untuk negara, untuk doktor, untuk orang-orang yang berminat menyertai kursus perubatan, saya berharap syarat-syarat dan keadaan di dalam perkhidmatan awam dapat diperbaiki. Kalau diperbaiki tidak ada banyak doktor akan keluar kerana susah hendak keluar, hendak mencari tempat yang lain dan langkah-langkah yang diambil termasuk penswastaan oleh Kerajaan. Setakat ini penswastaan untuk hospital tidak begitu berjaya—bukan begitu berjaya, adalah gagal.

Satu faktor lagi—ini saya sebutkan satu contoh dengan Lady Templer Hospital kerana Kementerian Kesihatan tidak meneliti syarikat yang dibenarkan untuk mengambilalih Lady Templer itu tidak mempunyai kemampuan dan kebolehan untuk menjalankan hospital tersebut sehingga Kerajaan terpaksa menghulurkan wang sekurang-kurangnya \$3.5 juta untuk mengambilalih Lady Templer dan patut Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan membentangkan satu Kertas Putih di dalam Dewan

yang mulia ini untuk menerangkan keadaan yang berlaku dengan Syarikat Rampai Muda dan Lady Templer.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 36 (1)? Apakah kaitannya Lady Templer dan penswastaan dengan usul yang dibawa oleh saya itu? Usul itu mewajibkan doktor kerja, bukan mewajibkan hospital "kerja".

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekarang, ini ada kena-mengena kerana tindakan menswastakan Hospital itu salah satu langkah untuk memperbaiki perkhidmatan kesihatan di negara ini—itu ada kaitannya. Saya difahamkan iaitu kelalaian, kecuaijan, kealpaan Kerajaan di dalam hal ini sehingga di dalam ekonomi yang merosot ini Kerajaan terpaksa mengeluarkan wang dengan lebih banyak lagi untuk menyelesaikan masalah Hospital Lady Templer ini, dan

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Bujang bin Haji Utis): Tuan Yang di-Pertua, mungkin maksud Ahli Yang Berhormat itu ialah penswastaan ini ditafsirkan dengan keefisyenan menjalankan sesuatu, tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa kemajuan yang telah dicapai oleh doktor-doktor yang mewujudkan klinik swasta itu, sebenarnya apa yang diperolehinya adalah bergantung kepada orang yang mampu, tetapi Kerajaan terpaksa menampung keperluan orang yang tidak mampu di luar bandar yang memerlukan perkhidmatan tetapi tidak mampu memberi upahan, bayaran yang tinggi sebagaimana yang datang ke klinik Yang Berhormat dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Penjelasan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran itu patut menumpukan perhatian kepada hal pelajaran kerana ini menunjukkan kekurangan fahaman di dalam hal ini terutamanya dengan Hospital Lady Templer yang mengalami kesusahan sehingga Kementerian Kebajikan Masyarakat hendak menghulurkan tangan untuk membantu.

Dato' K. Pathmanaban: Untuk penjelasan. Sebenarnya perkara penswastaaan Lady Templer dengan Rampai Muda itu berada di mahkamah dan saya tidak mahu Yang Berhormat panjangkan kerana kalau dipanjangkan saya terpaksa jawab. Ini mungkin menjejaskan kes yang masih berada di mahkamah. Tetapi saya boleh janji kepada Yang Berhormat, saya membawa dia keluar makan, sepanjang malam saya boleh jelaskan tentang Lady Templer. Jika dia mahu bawa orang lain pun saya boleh belanja makan, tetapi selepas kes itu selesai (*Tepuk*).

Tuan Hu Sepang (Rasah): On a point of order, Tuan Speaker. Belanja makan adalah rasuah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Itu point of orderkah?

Dato' K. Pathmanaban: Saya belanja—apa rasuah itu? (*Ketawa*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan patutlah membentangkan Kertas Putih di dalam Dewan yang mulia ini, bukan belanja saya—saya terima kasihlah terlebih dahulu tetapi untuk saya seorang pun itu tidak berapa, patutlah, untuk semua Ahli Yang Berhormat yang hendak tahu apa yang terjadi dengan langkah yang diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk memperbaiki keadaan perkhidmatan kesihatan di negara ini.

Tuan Zubir bin Embong (Kuala Terengganu): Tuan Yang di-Pertua, sebelum Tuan Yang di-Pertua mengambilalih tempat di atas itu, Tuan Yang di-Pertua terdahulu sebelum daripada Tuan Yang di-Pertua telah menetapkan supaya Yang Berhormat dari Kepong ini bercakap 3 minit sahaja. Sekarang sudah lebih daripada 3 minit. Saya minta Tuan Yang di-Pertua menghentikan Yang Berhormat dari Kepong daripada bercakap (*Tepuk*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya beri 3 minit.

Dr Tan Seng Giaw: Baik sungguh. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kuala Terengganu ini susahlah dia ini. Sekarang dia tidak begitu mengambil perhatian ke atas hal nelayan, dia hendak campurtangan di dalam Peraturan Mesyuarat, di dalam perubatan sekarang ini.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya menyebut apa yang sebenarnya berlaku di dalam Dewan ini. Apa fasal pula dia kaitkan dengan tugas saya yang tidak membela nasib nelayan di Kuala Terengganu?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Hanya 2 minit (*Ketawa*).

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya perlanjutan seksyen kecil yang tersebut, maka kebanyakan doktor yang baru keluar daripada universiti terpaksa berkhidmat secara wajib. Dengan yang demikian saya berharap pihak Kementerian Kesihatan dapat memastikan bahawa sejurus selepas ini—saya ulang sekali lagi—pertambahan doktor di dalam 2-3 tahun ini, penguatkuasaan ini dapat diberhentikan dan ada pula dengan ekonomi yang begitu merosot memang susah bagi Kementerian Kesihatan untuk menjalankan atau mengambil langkah-langkah yang lebih berkesan

bagi menyelesaikan masalah kesihatan sekarang. Tetapi yang pentingnya, sebelum saya habiskan, saya tekankan sekali lagi bahawa satu Suruhanjaya Di-Raja terpaksa diadakan. Kalau kita tidak tahu apakah kelemahan, apakah faktor-faktor tertentu yang menyebabkan kelemahan di dalam bidang kesihatan, kita tidak dapat cara-cara untuk menyelesaikan masalah ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Seremban.

4.09 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Yang di-Pertua, saya memberi sedikit pandangan di atas usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, tetapi saya tidak mahu ulangi apa yang sudah disentuh oleh saudara saya Ahli dari Kepong.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana undang-undang perkhidmatan nasional bagi doktor-doktor telah diminta untuk dilanjutkan selama 5 tahun lagi telah menunjukkan bahawa Kementerian Kesihatan tidak berkeupayaan menyimpan doktor-doktor di dalam perkhidmatan Kerajaan lalu menyebabkan kekurangan doktor-doktor.

Walaupun jaminan-jaminan telah diberikan oleh Menteri Kesihatan kepada Dewan ini mengenai keadaan pekerjaan yang lebih baik bagi doktor-doktor, namun kesemua ini tidak menghalang mereka daripada meletak jawatan beramai-ramai, sama ada pakar-pakar atau doktor-doktor umum.

Keadaan pekerjaan yang kurang memuaskan, kekurangan insentif untuk naik pangkat dan kekurangan biasiswa "post-graduate", dengan izin, serta program-program latihan adalah sebab-sebab utama mereka meletakkan jawatan beramai-ramai.

Tahun demi tahun, aduan-aduan yang sama wujud dan berterusan. Pegawai-pegawai yang dipertugaskan untuk menjaga doktor-doktor ini tidak ada simpati dan persefahaman oleh kerana mereka ini bukan profesional-profesional kesihatan atau justeru ini mereka tidak sanjung masalah-masalah yang dihadapi oleh doktor-doktor.

Doktor-doktor mahukan perkhidmatan kesihatan diuruskan oleh doktor-doktor dan bukan oleh pegawai-pegawai sivil. Mereka mahukan perkhidmatan kesihatan sebagai perkhidmatan asing. Pendapat ini telah seringkali ditimbulkan oleh Persatuan Perubatan Malaysia tetapi telah diabaikan oleh birokrat-birokrat perkhidmatan sivil.

Tuan Yang di-Pertua, praktis persendirian (private practice) bukanlah sebab perletakan jawatan sahaja. Latihan atau praktis persendirian dan penarikan gaji-gaji yang lebih lumayan hanya merupakan satu daripada sebab perletakan tetapi bukanlah sebab yang terutama.

Di dapati bahawa ada banyak doktor memang mahu berkhidmat dengan Kerajaan tetapi meletakkan jawatan atau oleh kerana frustasi. Gaji-gaji yang rendah itu boleh diselesaikan sekiranya mereka diberi kemudahan-kemudahan yang lebih baik untuk menggerakkan bakat dan kebolehan mereka, peluang-peluang untuk penyelidikan, pengajian post-graduate dan mengurangkan campur tangan birokratik serta promosi dan posting yang lebih memuaskan.

Kemelesetan ekonomi telah memukul doktor-doktor yang menjalankan latihan praktis persendirian. Hospital-hospital persendirian dan klinik-klinik melaporkan kejatuhan jumlah pesakit-pesakit. Tetapi ini tidak menghalang doktor-doktor yang berkhidmat dengan Kerajaan meletakkan jawatan. Mereka adalah sangat kesal dengan

keadaan-keadaan pekerjaan dalam perkhidmatan Kerajaan, itulah sebabnya mereka membuang satu kerja yang mempunyai gaji yang tetap serta risiko-risiko yang tidak tentu hala dalam praktis persendirian.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapati bahawa Menteri Kesihatan mahu memperbaiki perkhidmatan-perkhidmatan perubatan. Begitu juga doktor-doktor individu juga sentiasa mahu meningkatkan pengetahuan dan kebolehan mereka demi melayan pesakit-pesakitnya dengan lebih memuaskan. Justeru itu Menteri Kesihatan harus membekalkan kemudahan-kemudahan post-graduate yang lebih baik kepada doktor-doktor. Selain daripada disiplin popular di dalam perubatan biasa dan pembedahan, kita harus ada latihan post-graduate di dalam latihan biasa, kardiologi, neurologi, gastro-enterologi, pembedahan orthopaedik, ophthalmologi, nephrologi dan pembedahan mikro dan ada pemeriksaan-peperiksaan di negara kita.

Kemudahan-kemudahan post-graduate yang sedia ada di sekolah-sekolah perubatan di Universiti Kebangsaan dan Universiti Malaya sekarang harus diperbaiki lagi. Jabatan-jabatan post-graduate yang tulin ditubuhkan dan harus ada koordinasi yang lebih memuaskan.

Kita tidak harus membenarkan mana-mana satu sekolah perubatan yang cuba mahu mengawal bidang yang luas di dalam pelajaran perubatan post-graduate itu. Adalah terlalu besar dan mustahak bagi sesuatu sekolah perubatan untuk menentukan bagaimana pelajaran post-graduate itu harus diselenggarakan di dalam negara ini. Saya faham bahawa Sekolah Perubatan Universiti Kebangsaan cuba berbuat sedemikian. Ini adalah sebab utama mengapa pengajian perubatan post-graduate telah berkembang begitu lambat, dan

menghalang peluang-peluang bagi doktor-doktor muda di kedua-dua hospital Kerajaan dan persendirian.

Didapati bahawa satu sekolah perubatan bercorak post-graduate diploma Amerika sementara pula satu lagi mengikut corak Commonwealth. Ini bukan soalan mana satu yang lebih baik. Isu di sini ialah kebaikan doktor-doktor kita. Memang tidak boleh dinafikan bahawa doktor-doktor dan perkhidmatan-perkhidmatan perubatan boleh menerima faedah daripada kedua Commonwealth atau Amerika Syarikat yang mempunyai diploma perubatan. Sebenarnya ada tempat untuk kedua-dua ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mahu menyentuh sedikit perkara berkenaan dengan Kolej General Practitioners Malaysia, dengan izin. Kolej ini telah ditubuhkan pada awal tahun 70an yang dianjurkan oleh Allahyarham Tun Dr Ismail apabila beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri. Satu Bil untuk menggabungkan Kolej General Practitioners Malaysia, Kolej Physicians dan Kolej Pembedahan telah diusulkan untuk bacaan kali pertama di Parlimen dalam tahun 1974.

Bil ini kemudiannya ditarik balik kerana beberapa sebab yang tidak dapat dijawab. Ini menunjukkan bahawa satu perebutan kuasa berlaku untuk mendominasi pelajaran perubatan post-graduate. Tindakan-tindakan untuk mengembalikan Bil ini tidak berjaya dan Kolej General Practitioners Malaysia dipaksa mencari pendaftaran dengan Persatuan-persatuan Pendaftar. Di sini juga terdapat kelewatan dan kolej ini masih menunggu jawapan daripada pihak pendaftar.

Menteri Kesihatan harus tahu bahawa 90% doktor-doktor atau lebihnya itu adalah, dengan izin, general practitioners. Jadi, untuk faedah perkhidmatan kesihatan itu GPs harus meneruskan pelajaran

perubatan itu. Sekolah Perubatan Universiti Malaya sedar akan perkara ini dan menubuhkan satu Jabatan Primary Care universiti itu. Latihan biasa di dalam perubatan kekeluargaan adalah satu specialiti yang diakui. Ia merupakan pengajian yang diwajibkan bagi semua penuntut perubatan di Amerika Syarikat dan United Kingdom.

Adalah penting bagi Menteri Kesihatan melihat bahawa kolej General Practitioners Malaysia itu mempunyai kepentingan priority dengan Persatuan-persatuan Pendaftar.

Berkenaan perkhidmatan nasional, kebanyakan doktor muda mahu dilayan secara adil, saksama oleh Kementerian Kesihatan. Gaji-gaji mereka haruslah berpatutan dan mereka harus digilirkan secara adil di antara hospital bandar dan luar bandar. Bagi mereka yang mahukan latihan post-graduate, mereka harus digalakkan dengan biasiswa-biasiswa dan grant-grant.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Bukit Gantang.

4.26 ptg.

Toh Muda Dr Abdullah Fadil bin Che Wan (Bukit Gantang): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang ini untuk saya turut serta untuk membahaskan usul ini yang mana saya sesungguhnya menyokong usul yang telah dibentangkan oleh Timbalan Menteri Kesihatan tadi yang mana dalam pada itu telah pun dibuat satu cadangan untuk meneruskan penguatkuasaan bagi tempoh lima tahun lagi atas sub-seksyen (3) seksyen 39 Akta Perubatan 1971. Bahagian ke VII bermula dari 1hb Oktober 1986, yang mana kita mesti lihat dari perspeksi daripada keadaan dan

suasana negara kita ketika ini yang mana khidmat-khidmat pegawai-pegawai perubatan dan doktor amat perlu sekali bagi memastikan kesempurnaan dan kesejahteraan rakyat jelata bagi keseluruhannya.

Kita juga harus sedar bahawasanya keadaan-keadaan yang tertentu yang wujud di negara kita ini tidak serupa, setanding dengan setengah-setengah negara yang lebih jauh maju, lebih jauh moden, lebih lama terdapat keadaan-keadaan mereka telah pun berdikari daripada segi kemerdekaan, dari segi pentadbiran yang telah pun wujud berkurun-kurun.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini oleh kerana memikirkan pentingnya keadaan kesihatan dan kesejahteraan rakyat jelata keseluruhannya diberi perhatian yang menyeluruh agar satu rupa bangsa yang sihat dan subur dapat dilahirkan bagi meneruskan segala kerja-kerja membangunkan negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh sangat mengikut keadaan-keadaan yang terdapat di lain-lain negara yang lebih maju yang mana boleh kita mendesak menghendakkan keadaan-keadaan yang lebih senang, lebih mewah, lebih baik diberikan terutamanya kepada pegawai-pegawai Kerajaan seperti mana kita dengar banyak rungutan-rungutan daripada kalangan para profesional terutama di kalangan profesion perubatan yang pada hematnya terlampau sangat terbawa-bawa dengan pengaruh negara-negara yang lebih maju daripada negara kita ini.

Kita tidak sepatutnya saya fikir membandingkan dan mengharapkan mendapat ganjaran yang sama daripada negara ini oleh kerana kita baharu sahaja merdeka, baharu sahaja dapat kita ambil alih pemerintahan negara kita ini dan tentunya banyak lagi masalah-masalah yang sedang kita hadapi yang perlu kita sama-sama

timbang rasa sebagai seorang rakyat, sebagai seorang yang bertanggungjawab, lebih-lebih lagi kita pula Wakil-wakil Rakyat yang mana kita sepatutnya memikirkan kepentingan, kesejahteraan rakyat keseluruhannya dan tidak hanya menumpukan perhatian kita mementingkan hanya segelintir ataupun segolongan masyarakat sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, tentunya saya sendiri pun tidak puas hati dari segi khidmat-khidmat, ganjaran, gaji, elaun, khidmat-khidmat yang diberikan oleh pihak Kerajaan kalau dibandingkan dengan apa yang didapati di negara-negara yang lebih maju, lebih mewah, lebih kaya daripada negeri kita sendiri. Saya tidak pun setuju, saya akur tetapi saya pun sedar dan insaf bahawasanya kita masih dalam keadaan negara membangun dan ini satu keadaan yang bukan permanent, dengan izin, dari segi peringkat transitional, dengan izin, sementara, temporary. Insya Allah, dengan adanya kita semangat yang kuat itu, tekad yang tinggi ini, sanggup berkorban, bekerja kuat negara kita akan membangun, maju, kaya raya dan pada waktu itu kita boleh mendesak dan meminta agar kita diberi segala ganjaran, segala perhatian, tidak hanya setakat serupa dengan negara maju bahkan mungkin lebih baik kita boleh desak boleh minta pihak Kerajaan memberi kepada kita sekiranya kita berkemampuan dan telah tiba kepada peringkatnya yang kita mampu memberi perkhidmatan, memberi layanan dan memberi gaji yang lebih tinggi daripada negara-negara lain. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, pada peringkat ini sebuah negara yang hanya berumur 30 tahun lebih kurang tidak sepatutnya mendesak berbagai-bagai desakan, seolah-olah pihak Kerajaan ini tidak langsung ada timbang rasa yang baik ataupun yang wajar yang mana kita menganggapkan

bahawasanya kitalah sebuah negara yang mana mendapat layanan yang begitu buruk daripada pihak Kerajaan dan ini satu perkara yang betul-betul jauh salah daripada yang sebenarnya.

Sekiranya kita bandingkan pula negara kita dengan negara-negara lain yang sedang membangun, saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat di sini termasuk dari parti Pembangkang sedar bahawasanya banyak negara-negara lain seperti kita yang sedang membangun, alangkah jauh bezanya kurangnya ganjaran-ganjaran dan layanan-layanan serta perkhidmatan yang tidak memuaskan yang telah diberikan oleh para profesional terutamanya daripada kalangan Pengamal-pengamal Perubatan. Itu pihak Pembangkang tidak mengambil bandingan. Setengah para profesional pun tidak mengambil bandingan. Kita mesti memperseimbangkan kita punya perhitungan apabila kita membuat teguran, membuat apa-apa komen terhadap sesuatu perkara yang menyentuh Kerajaan kita yang sama-sama kita ini bertanggungjawab membentuk dan mengaturkan arah dan tujuan yang akan dibawa oleh pucuk pimpinan kita. Saya berharap dan menyeru agar pihak Pembangkang yang banyak menyuarakan cadangan-cadangan yang kononnya terdapat banyak kelemahan, banyak kesalahan, banyak tidak betulnya daripada segi perkhidmatan yang diberi oleh Kerajaan memikir sejenak tentang perkara-perkara yang saya telah bangkitkan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menekankan satu perkara lagi yang mana walaupun Kerajaan sedang diselubungi oleh masalah ekonomi yang meleset dan sepatutnya tidak perlu kita mewajibkan pegawai-pegawai perubatan untuk bekerja dengan Kerajaan sebab kita terpaksa lagi mengeluarkan duit yang banyak daripada segi gaji, elaun dan sebagainya untuk menampung

membayar dan membiayai pegawai-pegawai perubatan ini untuk terus bekerja dengan Kerajaan. Kita boleh selamatkan duit yang banyak ini kalau kita mahu untuk kita tumpukan kepada aktiviti-aktiviti yang lain. Tetapi pihak Kerajaan seperti saya katakan awal-awal tadi memikirkan kepentingan, kebajikan masyarakat umum, kesihatan rakyat jelata, sanggup Kerajaan dalam keadaan ekonomi meleset menyambung semula masa tempoh khidmat wajib ini kepada pegawai-pegawai perubatan untuk memastikan agar taraf kesihatan rakyat jelata bukan setakat hanya dipertahankan malah diperbaiki lagi.

Oleh kerana kita pun tahu dan Ahli Yang Berhormat dari Pembangkang pun tahu taraf mutu khidmat kesihatan kita di negara Malaysia ini berbanding dengan banyak negara membangun kitalah yang paling baik daripada segi infrastrukturnya, dengan izin, tetapi Kerajaan mengatitkan kemudahan-kemudahan kesihatan kepada rakyat jelata terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar. Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang sanggup meneruskan tempoh waktu khidmat kerja ini walaupun terpaksa menghadapi tekanan yang kuat dan hebat daripada segi untuk memperuntukkan wang yang banyak bagi membayar gaji pegawai-pegawai perubatan ini sebagai kakitangan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara terdapat juga kita mendengar daripada pihak Pembangkang menyuarakan supaya diwujudkan Suruhanjaya Penyiasat Di Raja untuk hendak siasat apa pun kita tidak tahu. Beliau sendiri tidak pun menyampaikan atau menerangkan kepada kita apakah masalah yang begitu besar sangat yang begitu perlu diwujudkan sebuah Suruhanjaya Penyiasat Di Raja. Pada hemat kita setakat ini kita boleh lihat umumnya

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada yang bangun. Yang Berhormat hendak apa?

Dr Tan Seng Giaw: Penejelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dia minta penjelasan. Hendak beri jalan?

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Ada masa lagi? Sedikit lagi bolehlah.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dr ini dia baharu sahaja datang ke sini, tidak tahu lagi apa yang sebenarnya berlaku, dengan itu

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat terus minta penjelasan!

Dr Tan Seng Giaw: Ya, apa sahaja yang berlaku dengan bidang kesihatan dan saya berharaplah adakah Yang Berhormat tahu kelemahan-kelemahan yang ada. Kita tidak payahlah hendak bincang mengenai negara-negara yang lain sama ada negara maju atau tidak maju, untuk negara inilah. Adakah Yang Berhormat tahu, faham dan sanggupkah Yang Berhormat menyasat sendiri mengenai apa yang terjadi dengan Kementerian Kesihatan termasuk langkah-langkah untuk mengswastakan hospital?

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, kita semua tahu mana-mana Jabatan, mana-mana Kementerian pun atau mana-mana sahaja organisasi tentu ada kelemahan, ada tidak betulnya, ada kesilapannya. Sama-samalah kita mencari jalan untuk membetulkannya secepat dan sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, tentang Suruhanjaya Penyiasat Di Raja tadi, seperti saya telah pun menyatakan

saya tidak nampak sebab-sebab yang besar dan begitu penting yang perlu kita memikirkan untuk mewujudkan sebuah badan yang sedemikian rupa. Lebih banyak kerja dan usaha boleh ditumpukan bagi mewujudkan lain-lain badan untuk kita menentukan dan lain-lain perkara yang lebih penting, yang lebih pokok bagi menyelesaikan masalah yang lebih besar yang sedang di hadapi oleh negara kita ini seperti perkara-perkara ekonomi, pembangunan, membasmi kemiskinan, menambahkan lagi infrastruktur kepada pengangkutan luar bandar dan sebagainya.

Maka pada hemat saya tidak perlu langsunglah dipertimbangkan oleh Kerajaan untuk mewujudkan sebuah suruhanjaya penyiasatan

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada yang bangun.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Saya pun sudah habis, Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah tidak ada apa-apa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tidak payahlah bertanya lagi oleh kerana saya pun sudah tidak ada apa-apa hendak saya jawab, cuma saya ingin menyokonglah usul yang telah dibuat oleh Timbalan Menteri Kesihatan tadi supaya diterima oleh Dewan.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang akhir, Yang Berhormat daripada Petaling Jaya.

4.40 pm.

Dr Eng Seng Chai (Petaling Jaya): Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak

salah, notis yang diberi membentangkan usul hari ini dikeluarkan pada 27hb Oktober, 1986 dan Bahagian VII Akta Perubatan Tahun 1971 akan bermula kuatkuasaan dari tarikh 1hb Oktober, 1986. Saya terkejut mengapa ada kejadian sebegini. Tidakkah Menteri Kesihatan sedar iaitu tempoh perkhidmatan, tempoh kuatkuasa Bahagian VII Akta Perubatan ini akan habis, akan tamat pada 30hb September tahun ini. Jika Menteri sedar, mengapa kita dapat usul ini hari ini, terlalu lambat. Tetapi jika Menteri Kesihatan tidak sedar, bolehkah saya tanya siapa yang akan bertanggungjawab kesilapan ini? Adakah Kementerian Kesihatan kurang cekap, kurang bertanggungjawab sebab ada di mana-mana hospital yang kita dapat perkhidmatan yang kurang tanggungjawab. Bolehkah saya anggap dengan kelewatan penguatkuasaan Bahagian VII Akta Perubatan ini, sesiapa doktor yang masih berkhidmat di hospital-hospital awam, di Universiti Hospital dan berkhidmat dengan Tentera, di bawah Bahagian VII Akta Perubatan ini, adakah sekarang berkhidmat tanpa lesen, tanpa perlindungan?

Apakah akan jadi jika mereka ada beri salah ubat, kalau salah cuku, suntik dan adalah kita pesakit mati serta-merta siapa yang akan bertanggungjawab, siapa yang akan beri perlindungan kepada mereka, sebagaimana saya kata mereka tidak ada perlindungan Bahagian VII Akta Perubatan ini. Tetapi kalau Yang Berhormat Menteri Kesihatan atau Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan akan akui mereka tidak silap, boleh mereka buat sebegini, saya hendak tanya dia, adakah mereka beri penghormatan kepada Dewan yang mulia ini? Adakah dia anggap Dewan yang mulia ini kepunyaan Kementerian Kesihatan. Dan dengan suka hati bila-bila dia boleh bentang

usul meluluskan berkuasaan Bahagian VII Akta ini. Adakah Kementerian Kesihatan anggap Dewan yang mulia ini, Dewan Rakyat ini, Parlimen ini adalah satu Dewan sebagai cap getah, dengan izin, "are we a rubber stamp"? Jika majoriti 4/5 Barisan Nasional, wakil-wakil mereka bersetuju dengan Menteri Kesihatan, sepatutnya dia pun beri penghormatan kepada yang ada dalam kerusi-kerusi pihak Pembangkang. Sekurang-kurangnya 24 Ahli Parlimen adalah terdiri dari Pembangkang dan sepatutnya jika dia tidak beri penghormatan kepada wakil-wakil separtinya Barisan Nasional, dia patut beri penghormatan kepada 24 orang Ahli dari pihak DAP. Saya tidak berbangga duduk bersama Yang Berhormat Timbalan Menteri

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan.

Dr Eng Seng Chai: Boleh.

Dato' K. Pathmanaban: Ucapan Yang Berhormat sangat-sangat bersetuju usul ini dibawa. Jadi, bolehkah dia jelaskan cakap—saya sokong dan duduk. Kenapa mahu buang masa Dewan ini sebab dia rasa ini sudah lewat sangat, harus dibuat awal dan dia akan sokong. Malangnya, dia dahulu bukan Ahli Dewan. Itu sahaja.

Dr Eng Seng Chai: Saya ingat Timbalan Menteri ambil kesempatan untuk halangkan saya sentuh lebih sedikit atas sarang tebuhan Kementerian Kesihatan. Inilah satu tebuhan Menteri Kesihatan tidak cukup cekap, tidak cukup rajin, tidak sedar ada kesilapan dalam Kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tujuan peruntukan Bahagian VII Akta Perubatan adalah akan melanjutkan tempoh penguatkuasaan ini bagi 5 tahun. Tadi Ahli parti saya, Ahli dari Kepong telah menyentuh atas masalah paksaan. Mengapa kita perlu paksa wajib doktor-doktor

negara kita berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan. Jika kemudahan-kemudahan, keadaan-keadaan dalam hospital adalah cukup puas hati, cukup selesa, cukup seronok, mengapa perlu hari ini kita bahaskan usul ini.

Saya pun seorang doktor perubatan, kelulusan tahun 1971, berkhidmat dengan Hospital Awam di Petaling Jaya, Universiti Hospital, di Hospital Besar Kuala Lumpur, di Hospital Klang juga dan boleh kata cukup pengalaman saya menyentuh atas masalah-masalah yang saya sebagai seorang doktor yang dipaksa pada masa itu berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan. Bolehkah kata ada kadangkala saya dipaksa berkhidmat 5 hari berturut-turut, saya tidak dapat rihat, saya tidak dapat tidur, saya tidak dapat lapang pergi kemudahan toilet. Boleh kata sebegitu. Seorang pegawai perubatan mahu kawal sekurang-kurangnya tiga, empat wad, tiap-tiap wad sekurang-kurangnya 90 orang pesakit dan tidak dapat cukup doktor berkhidmat, terpaksa saya tanggungjawab.

Kadangkala 5 hari berturut-turut, pagi pukul 8 bermula, pukul 4 patut saya balik rumah, tetapi lanjutkan night duty habiskan. Besok pagi pukul 8 pagi, lagi bermula kerja hari baru sama lagi, macam itu jadi berturut-turut kadangkala 5 hari. Dan apakah keluarga kita, rakan kita, kawan kita boleh kata, hai doktor sudah sombong, muka doktor pun tidak nampak, bayang pun tidak ada. Tetapi fahamkah mereka kita dipaksa bertugas bukan sukarela. Kalau gaji baik, kalau kemudahan baik, kalau keadaan baik, kalau peluang naik pangkat baik, kalau ada peluang pergi melanjutkan pendidikan saya baik, kalau saya tidak dianaktirikan naik pangkat, baik saya dengan sukarela tidak payah paksa memang lanjutkan perkhidmatan saya dengan Kementerian Kesihatan dan tidaklah

hari ini saya jadi seorang pengamal perubatan swasta. Tetapi perlulah hari ini kita bahas Usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan.

Saya hairan selepas sekurang-kurangnya 15 tahun kita perlu lagi melanjutkan tempoh perkhidmatan paksa, perkhidmatan wajib. Mengapa kita tidak dapat kemajuan? Mengapa kita tidak dapat mengelakkan masalah-masalah tertentu? Mengapa hari ini kita masih kekurangan doktor yang suka berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan. Mengapa perlunya kita mengambil doktor-doktor asing dari negara Burma dari Indonesia dan juga saya dengar dari Pakistan dan Bangladesh berkhidmat dalam perkhidmatan kesihatan kita? Betul kita ada menubuhkan banyak Fakulti Perubatan di Universiti tempatan kita; betul ada bertambah lebih ramai keluaran daripada universiti, tetapi apakah yang menghalang mereka dengan sukarela melanjutkan tempoh perkhidmatan mereka dengan Kementerian Kesihatan. Jika habis 3 tahun perkhidmatan wajib mereka, kalau keadaan baik, memang mereka dengan sukarela tidak bersara, tidak meletakkan jawatan dan mereka tidak keluar menjadi doktor swasta atau menjadi doktor di lain-lain hospital. Sebab-sebabnya saya sudah sentuh adalah sarang-sarang tebuhan dalam Kementerian Kesihatan, dalam perkhidmatan kesihatan dalam negara ini. Tidakkah dapat Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatasi masalah masing-masing dan sebab itu terdapatlah hari ini masalah kekurangan doktor, terdapatlah hari ini perasaan tidak puas hati di kalangan mereka yang berkhidmat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, cuba ringkaskan.

Dr Eng Seng Chai: Sedikit sahaja. Saya harap dengan usul hari ini dan jika ianya diluluskan—saya tidak sangka ianya tidak dapat diluluskan sebab Barisan Nasional ada mendapat $\frac{4}{5}$ majoriti dalam Dewan yang mulia ini, saya harap dengan kelulusan usul ini, dapatlah jaminan Yang Berhormat Menteri atau Yang Berhormat Timbalan Menteri, supaya kita akan dapat perkhidmatan yang bermutu lebih tinggi dan perkhidmatan yang lebih adil untuk pesakit. Saya juga harap doktor-doktor yang diwajibkan berkhidmat dengan Kementerian ini akan dapat pertolongan, bantuan dan keadaan kemudahan yang lebih baik sekali.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.53 *ptg.*

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada apa jua pun ucapan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Usul ini.

Pertamanya, saya ingin menjelaskan bahawa ada dua perkara yang pokok, yang penting, yang mesti kita mengambil kira dalam membincangkan perkhidmatan golongan doktor-doktor dan keperluan kita mewajibkan perkhidmatan mereka selama 5 tahun melalui Usul yang dibawa kepada Dewan pada hari ini:

- (1) Negara kita adalah sebuah negara yang sedang membangun, sebuah developing country, dengan izin, dan satu-satu tanda serta satu-satu masalah yang kita menghadapi sebagai sebuah masyarakat yang masih maju, masih membangun

ialah belum mencukupi sumber-sumber perkhidmatan, serta kekurangan dalam tenaga mahir seperti doktor, akauntan dan kadangkalanya golongan peguam, actuary dan sebagainya. Banyak jenis jawatan, banyak jenis pekerjaan, banyak kemahiran yang masih tidak mencukupi dalam sesebuah negara yang masih membangun dan ini adalah satu tanda yang kita sedang membangun. Tak usahlah kita di dalam Dewan ini berpura-pura sebagai kita sudah maju begitu banyak dengan tidak ada masalah untuk mendapat pekerja-pekerja atau pegawai-pegawai yang mahir. Ini adalah satu proses berterusan untuk kita mengadakan latihan, kemudahan dan sebagainya untuk memperbesarkan lagi golongan pegawai-pegawai, golongan pekerja-pekerja yang mahir. Ini adalah satu usaha yang berkehendakkan tenaga yang besar, perancangan yang panjang, satu usaha yang berkehendakkan kewangan yang banyak, kemudahan dan sebagainya, yang begitu banyak, yang di luar daripada kebolehan kita. Jadi kekurangan yang kita menghadapi dalam bilangan pegawai-pegawai mahir seperti doktor-doktor perubatan adalah satu-satu tanda bahawa kita masih dalam lingkungan negara-negara yang sedang membangun. Tetapi saya dapat mengatakan di sini bahawa setelah beberapa tahun sahaja kita merdeka kita dapat mewujudkan 3 buah Fakulti Perubatan, dan melalui itu pada masa ini kita dapat menikmati lebih kurang 300 graduan-graduan para perubatan dan dalam 4-5 tahun lagi kita harap

angka itu akan naik kepada 500 setahun. Peluang dan kemungkinan kita memperbesarkan lagi latihan tempatan di Fakulti-fakulti Perubatan kita adalah satu perkara yang terhad kerana kita ada beberapa nisbah kehendak-kehendak, keperluan dan had dalam kita mengambil penuntut-penuntut untuk bidang perubatan. Jika kita memperbesarkan pengambilan penuntut begitu ramai sehingga kita dapat menghapuskan kekurangan doktor pada hari ini juga, saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat yang mempunyai kepentingan dalam bidang perubatan ini akan diri di sana, maki kepada kita, minta bukan sahaja Royal Commission, tetapi akan minta Commission Tuhan sebab kita sudah membuat demikian.

Saya hendak Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, khasnya yang baru masuk itu lebih-lebih lagi, faham bahawa kita adalah sebuah negara yang sedang membangun dan satu-satu tanda, satu-satu keadaan, hakikat yang kita tidak dapat lari ialah tenaga kemahiran dalam negara-negara yang sedang membangun masih kekurangan dan di negara Malaysia kita sedang mempergiatkan segala usaha untuk kita memperbanyakkan lagi tenaga mahir seperti ini.

- (2) Hakikat yang kedua iaitu dalam perkhidmatan Kerajaan pada masa ini, saya rasa bidang doktor-doktor perubatan adalah satu-satu bidang di mana kita memerlukan membawa Akta. Juga pengamalan perubatan yang perlu disokong juga oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan Petaling Jaya dan

sudah tentu oleh kawan-kawan saya juga di sebelah sini, berkehendakkan Akta ini. Majlis Perubatan memerlukan bahawa seseorang yang dilantik sebagai doktor perubatan terpaksa menjalankan setahun sekurang-kurangnya sebagai latihan Housemanship.

Jadi, semua graduan dalam bidang perubatan yang ingin bekerja mengamalkan bidang perubatan di negara Malaysia ini diperlukan untuk menjalani latihan housemanship itu. Ini kita mesti tahu, oleh kerana perkara itu bukan semua pegawai-pegawai perubatan atau doktor yang masuk ke perkhidmatan Kerajaan sebagai houseman, bukan semuanya yang benar-benar berhasrat bekerja dengan Kerajaan. Kita memerlukan, mewajibkan mereka menjalani latihan di hospital-hospital yang ditauliahkan untuk latihan housemanship, iaitu biasanya hospital-hospital besar dalam negara di mana dapat specialists, pakar-pakar untuk memberi latihan, bimbingan dan pada akhir tempoh latihan itu dapat menguji mereka untuk diberi layanan pendaftaran penuh sebagai doktor perubatan; mereka terpaksa menjalankan latihan itu di hospital-hospital tertentu, biasanya Hospital-hospital Besar tetapi termasuk juga satu dua hospital daerah yang besar, di mana terdapat perkhidmatan kepakaran yang perlu untuk memberi bimbingan kepada doktor-doktor itu.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada Ahli Yang Berhormat yang bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, untuk mengadakan housemanship adalah satu perkara yang biasa bagi semua doktor sama ada di negara ini atau di negara lain, itu tidak payah mengadakan ketetapan

seperti hari ini untuk mengadakan housemanship. Yang penting sekali Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan tidak menjawab, apakah dan mengapakah doktor diberi layanan keistimewaan ini dan dengan lanjutan kepada tempoh ini, adakah Yang Berhormat boleh memastikan, boleh memberi jaminan bahawa bilangan doktor akan cukup di dalam perkhidmatan Kerajaan?

Dato' K. Pathmanaban: Saya rasa sitapan beliau ini berlaku kerana keluar tadi apabila saya mula menjawab. Kerana itu dia sudah hilang kepala, pegang kepada ekor sahaja (*Ketawa*). Saya kata ada dua perkara yang penting yang kita mesti mengambil kira dalam segala perbincangan dan yang kedualah saya bincangkan sekarang. Jadi, ekor yang dipegangnya. Tidak faham nanti, hasil pegang ekor kena tendang. Tuan Yang di-Pertua, semua pegawai perubatan terpaksa menjalankan latihan housemanship. Semua yang dilatih yang ingin mengamalkan praktis perubatan di negara Malaysia mesti memasuki perkhidmatan Kerajaan untuk menjalankan housemanship. Jadi, tidaklah hairan bahawa banyak daripada mereka yang pada permulaannya pun tidak berhasrat untuk bertugas dengan Kerajaan. Sesudah sahaja latihan housemanshipnya mereka meletakkan jawatan dan terus buka kedai seperti yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat
.....

Dato' K. Pathmanaban: Saya teruskan dahulu. Biar saya jelaskan, nanti dia boleh tanya; itu lebih baik, saya rasa. Dia masih pegang ekor sahaja. Jadi, semua pegawai terpaksa menjalankan

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Minta penjelasan Yang Berhormat.

Dato' K. Pathmanaban: Biarlah saya teruskan, nanti saya boleh beri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila duduk! Teruskan Yang Berhormat.

Dato' K. Pathmanaban: Mereka buka kedai sendiri dan menjalankan praktis mereka selepas housemanship kerana pada permulaannya pun sebahagian besar daripada mereka ini tidak berhasrat bekerja dengan Kerajaan. Jadi, tidak hairan mereka ini tidak terus berkhidmat dalam Kerajaan dan dengan keadaan itu kita terdapat angka resignation, perletakan jawatan yang besar. Dua perkara ini kita mesti mengambil kira dalam segala perbincangan yang kita mengadakan mengenai perkhidmatan wajib dalam perkara ini.

Saya sekarang hendak menjawab hujah-hujah yang ditimbulkannya. Saya amat bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat, kawan saya, dari Bukit Gantang yang telah mengatakan bahawa Usul ini adalah usul untuk kepentingan ramai. Itulah keadaan yang sebenarnya. Kepentingan ramai, khasnya rakyat jelata dalam kawasan-kawasan luar bandar, kawasan-kawasan terpencil di mana tidak terdapat kedai-kedai doktor. Kedai-kedai doktor tidak dapat di tempat-tempat itu dan tidak ada doktor-doktor mewah yang hendak jadi Ahli Yang Berhormat hendak buka klinik di kawasan-kawasan itu, masih hendak berada di Kepong dan Petaling Jaya sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat minta penjelasan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan itu tidak menyakitkan hati doktor, kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun seorang doktor. Dia patut mengarahkan Yang Berhormat Timbalan Menteri beliau untuk menjalankan tugas dengan betul, jangan menyinggung perasaan doktor, kerana kebanyakan doktor ini memberi jasa dan perkhidmatan

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Minta penjelasan Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar klinik ini bukan kedai, ada perbezaannya. Kalau dia tidak faham, tanyalah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya ingat dia mesti terima itu.

Dato' K. Pathmanaban: Kedailah. Kedai itu bermakna tempat di mana menjual perkhidmatan, jual barang dan sebagainya (*Ketawa*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tetapi Yang Berhormat gunakan perkataan klinik yang lebih bermakna.

Dato' K. Pathmanaban: Kedai Telekom dan kedai lain. Baharu sahaja kita amalkan Kedai Telekom. Buka kedai, buka perniagaan, itu adalah satu yang saya rasa sangat berlumayan. Jadi, saya tidak mahu minta maaf tentang perkara itu.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, beri jalan?

Dato' K. Pathmanaban: Ganggu lagi!

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, itulah saya cadangkan lain kali kita hendak adakah Menteri atau Timbalan Menteri untuk Kementerian Kesihatan sepatutnya adakan seorang doktor ataupun orang yang benar-benar memahami hal doktor, kerana kalau tidak begitu, susah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan Yang Berhormat.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, inilah cakap besar, cakap bodoh sedikit. Mereka ini yang bercakap banyak besar mengenai tidak payah kita mewajibkan perkhidmatan doktor ini biasanya bertugas di tempat-tempat di mana mereka boleh cari undi yang lebih dan tidak di tempat-tempat di mana mereka terpaksa merantau 20 batu, 30 batu, naik perahu dan sebagainya untuk memberi perkhidmatan. Lebih-lebih lagi klinik-klinik atau kedai-kedai ini yang dibuka adalah untuk rawatan, untuk perubatan sahaja. Tetapi kebanyakan daripada tugas-tugas yang terpaksa kita menjalankan di bidang kesihatan kita ini adalah untuk menjaga kesihatan awam, itu adalah satu di mana tidak ada usaha swasta, tidak ada doktor-doktor yang mengorbankan masa mereka begitu banyak untuk kita mencegah penyakit-penyakit, untuk memberi pendidikan kesihatan, untuk memberi nasihat kepada orang ramai, untuk melawat ke rumah-rumah, untuk menasihati ibu mengandung, untuk mengawal keadaan kusta, T.B. dan sebagainya yang berkehendakkan tenaga yang banyak yang kita tidak dapat memperolehi melalui sektor swasta, kerana tidak ada sektor swasta yang berminat dalam perkara-perkara seperti itu. Jadi, perkhidmatan yang diberi oleh Kerajaan itu adalah satu perkhidmatan untuk kepentingan orang ramai. Kepentingan kesihatan kita di bandar-bandar pun adalah tertakluk kepada usaha kita, kejayaan

kita dapat mencegah penyakit-penyakit berjangkit dan meningkatkan keadaan kesihatan di kawasan-kawasan terpencil dan jauh di mana terdapat setinggian, orang yang miskin dan sebagainya. Segala itulah yang kita berhasrat untuk mempertahankan melalui Usul yang dibawa ini untuk mewajibkan doktor-doktor bekerja, bertugas, berkhidmat, berjasa, jika perlu selama 3 tahun dalam hayat mereka untuk kita semua jadi selesa.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ada beri jalan?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang betul. Saya sendiri pun menggalak doktor untuk berkhidmat di kawasan-kawasan terpencil, itu penting bagi semua doktor. Dan sebab itulah saya hendak Yang Berhormat membuat janji untuk memastikan semua doktor yang di dalam perkhidmatan wajib ini diberi peluang untuk berkhidmat di kawasan pendalaman dengan adil dan saksama dan apa yang pentingnya dengan berlanjutan tempoh ini tidak semestinya, tidak bermakna keadaan yang disebutkan tadi dapat diselesaikan. Saya takut lima tahun yang akan datang akan bangkit lagi ketetapan seperti ini, 15 tahun itu cukuplah.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya belum habis lagi. Saya akan jawab hujah itu. Jadi, keperluan orang ramai yang dijaga, bukan keperluan doktor-doktor, seperti Ahli Yang Berhormat yang mengata mereka tidak dapat kerja, mereka tidak dapat tidur. Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya kata lima hari tidak kencing dan sebagainya (*Ketawa*) tetapi bukan kepentingan itu.

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak usahlah Yang Berhormat.

Dr Eng Seng Chai: On a point of order 36 (6), sangkaan jahat.

Dato' K. Pathmanaban: Saya catit tadi, lima hari tidak kencing, tidak buang air, tidak pergi toilet. Lima hari tidak pergi ke toilet, apakah makna itu?

Dr Eng Seng Chai: Saya kata tidak dapat guna kemudahan toilet. Saya tidak ada kata kencing atau berak (*Ketawa*). Sangkaan jahat, point of order 36 (6).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Itu salah, Yang Berhormat. Dia tidak ada kata begitu.

Dato' K. Pathmanaban: Menggunakan kemudahan toilet itu, apa maknanya, Tuan Yang di-Pertua? Di toilet buat apa, buat sendirikah? (*Ketawa*).

Seorang Ahli: Lepas itu pergi toiletlah, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Boleh buat dengan tidak ada toilet.

Dato' K. Pathmanaban: Kencing di wad, Tuan Yang di-Pertua!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sila teruskan.

Dato' K. Pathmanaban: Jadi ada banyaklah yang dikatakan sebagai perasaan sendiri, kerumitan diri, tidak dapat tidur, tidak dapat makan, tidak ada wang yang banyak dan sebagainya. Segala itu perkara persendirian. Apa yang kita membincangkan di sini adalah keperluan negara, keperluan orang ramai, khasnya golongan-golongan yang miskin, yang tidak berkeupayaan, dalam keadaan yang sangat mendesak dan sebagainya.

Saya haraplah dan seru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, khasnya dari Kepong yang mesti lebih tahu dan dari Petaling Jaya yang baru sahaja masuk ke Dewan dan mungkin akan dapat tahu dalam masa-masa akan datang, bahawa perkara-perkara seperti ini bukanlah untuk dimain-mainkan.

Kita bawa ini sebagai satu perkara yang serius untuk menenuhi keperluan negara, keperluan masyarakat kita demi kepentingan kita semua. Bukan, seperti saya tafsirkan ucapan kedua-dua Ahli Yang Berhormat dari Pembangkang, sebagai satu penalty kepada doktor. Usul ini tidak harus dianggap sebagai satu punishment kepada doktor, sebagai satu, dengan izin, deprivation, kepada doktor. Tidak. Doktor-doktor ini, saya sungguh menghormati mereka. Mereka adalah satu golongan masyarakat yang mempunyai peluang yang tidak dapat dinikmati oleh orang-orang lain. Mereka adalah satu golongan "elite".

Dr Tan Seng Giaw dan Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada yang bangun, beri jalan?

Dato' K. Pathmanaban: Tidak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dia tidak beri jalan.

Tuan Hu Sepang: Kalau begitu pergi Chinalah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Rasah, jangan buat begitu.

Dato' K. Pathmanaban: Mereka adalah satu golongan "elite" sekali dalam negara kita. Golongan yang berkedudukan baik dan mereka ini diminta oleh Dewan ini melalui Usul ini bertugas dengan Kerajaan, bertugas demi kepentingan orang ramai selama tiga tahun dan datang

pula dua orang ini membincangkan perkara-perkara seperti tidak memberi kemudahan buang air dan sebagainya. Itu bukan perkaranya. Dan dalam perkara ini saya rasa perkhidmatan wajib itu dengan Kerajaan bukan satu penalti atau satu keadaan di mana mereka dipaksa dengan tidak ada peluang-peluang atau faedah yang lain.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Minta penjelasan, berikah?

Dato' K. Pathmanaban: Tidak. Nantilah saya jelaskan dahulu, nanti boleh minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sila duduk Yang Berhormat.

Dato' K. Pathmanaban: Saya boleh kata pada masa ini bahawa 90% atau lebih daripada pakar-pakar perubatan termasuk orang seperti Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan sebagainya, 90% daripada pakar-pakar dalam bidang perubatan, kesihatan dan sebagainya yang sedang memberi perkhidmatan di hospital-hospital swasta yang mewah dan sebagainya menjalankan perniagaan mereka sendiri dan sebagainya, latihan yang diberi kepada mereka, latihan yang diperolehi oleh mereka itu adalah dibekalkan oleh Kerajaan sendiri dengan biasiswa, dengan gaji, dengan masa, dengan tenaga, kemudahan dan sebagainya dan banyak pegawai-pegawai

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada yang bangun.

Dato' K. Pathmanaban: Saya jelas dahulu, nanti.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sila duduk Yang Berhormat dari Kepong.

Dato' K. Pathmanaban: Banyak daripada mereka ini diberi latihan, diberi kemudahan kepakaran oleh Kerajaan. Saya berani berkata di sini tidak ada neuro surgeon, neuro physician, tidak ada cardiac surgeon dan sebagainya di tanahair kita yang bukan dilatih oleh Kerajaan. Jadi masa kita memaksa mereka kerja dengan Kerajaan, bukanlah satu masa di mana mereka dinafikan peluang-peluang untuk maju dalam profesion. Kita sendiri anggap, dan banyak usaha dibuat oleh kita, sejajar dengan apa yang diseru juga oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

Banyak usaha yang dibuat oleh kita untuk mengatur masa tiga tahun mereka dengan kita itu, aturkan latihan, dengan izin, exposure mereka kepada berbagai disiplin-disiplin dan peluang untuk mereka dapat juga memahami apakah kesihatan awam dan sebagainya. Tetapi masa tiga tahun yang diwajibkan itu

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sila duduk, Yang Berhormat.

Dato' K. Pathmanaban: Tidaklah, nanti dahululah.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Masa tiga tahun yang ada dengan kita, tempoh masa diwajibkan, bukan cukup untuk kita menentukan rotation yang sempurna untuk doktor-doktor. Kita sudah buat kira-kira jika kita hendak mengatur rotation posting yang menyeluruh untuk doktor-doktor yang ada dengan Kerajaan, kita harus memaksa mereka bertugas dengan kita lima tahun. Barulah kita dapat menentukan bahawa semua pegawai perubatan yang masuk dalam

perkhidmatan Kerajaan itu akan diberi exposure, akan diberi pengalaman dalam sekurang-kurangnya tiga atau empat bidang latihan dalam bidang perubatan.

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun.

Dr Eng Seng Chai: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata, ini bukan sebagai penalti, bukan sebagai punishment, dengan izin. Sekarang dia kata diwajibkan, dipaksakan, itulah ada percanggahan daripada pendapat sendiri. Bolehkah jelaskan apakah ucapan sendiri ada percanggahan?

Dato' K. Pathmanaban: Inipun buat pandai, cakap pandai sahaja. Boleh saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Dato' K. Pathmanaban: Saya kata tempoh masa perkhidmatan wajib tiga tahun itu bukanlah satu tempoh masa yang dibazirkan oleh doktor-doktor. Tempoh masa itu adalah satu peluang untuk mereka dapat exposure kepada bidang-bidang perubatan, kes-kes rumit dan sebagainya yang terdapat di hospital-hospital Kerajaan. Bidang-bidang tugas mereka akan jadi satu perkara yang berguna kepada mereka semasa mereka hendak keluar jika mereka berniat hendak keluar, hendak menjalankan perniagaan mereka sendiri. Jadi tempoh masa itu bukan dianggap oleh kita sebagai satu penalti, bukan dianggap sebagai satu deprivation, dengan izin, tetapi sebagai satu peluang juga untuk kita mempertingkatkan mutu perkhidmatan doktor-doktor; baik dia bertugas dalam Kerajaan ataupun di bidang swasta. Kita cuba seboleh-bolehnya untuk mengaturkan penempatan mereka secara rotation yang akan dapat memberi exposure sebegitu. Pada akhirnya, jika di sektor swasta ataupun di sektor Kerajaan, mutu

perkhidmatan dari para doktor itu meningkat, saya rasa rakyatlah yang dapat nasib yang baik. Saya hendak Ahli-ahli Yang Berhormat itu jelas dalam perkara itu. Jika kita cukup pegawai-pegawai perubatan yang sanggup bertugas dengan Kerajaan untuk satu tempoh masa yang tertentu, bukan sepanjang hidup, ataupun sampai 55 tahun pun, tetapi satu tempoh masa yang wajar, jika tabiat atau berlakunya perletakan jawatan tidak begitu kerap, saya rasa kita tidak payah wajihkan orang, seperti Ahli Yang Berhormat sendiri yang bangun.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Dato' K. Pathmanaban: Tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan.

Dato' K. Pathmanaban: Tidak-tidak. Beliau letak jawatan. Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya letak jawatan, ada banyak yang letak jawatan, inilah yang membawa kepada Usul ini. Jika tidak begitu banyak yang meletakkan jawatan tidak kita perlu untuk mengemukakan Usul seperti ini.

Dr Eng Seng Chai: Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Minta penjelasan.

Dato' K. Pathmanaban: Ya.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, kita ada sebab-sebab, ada punca, mengapa kita meletak jawatan, saya pun sudah sebut jika dia hendak merujuk kepada perletakan jawatan saya patut dia sebut, sebab yang saya beri juga, jangan berat sebelah sahaja.

Dato' K. Pathmanaban: Sebab dia beri lima hari tidak kencing (*Ketawa*). Saya minta maaf, saya tidak mahu melukakan perasaan beliau tetapi sebagai penjelasan sahaja.

Jika kita berusaha dan jika berjaya dalam 3-5 tahun yang akan datang untuk mengadakan satu perkhidmatan yang tidak menghadapi kekurangan dan doktor-doktor sanggup bertugas, tak payahlah kita membawa usul ini. Bukannya dengan suka kita membawa usul ini, tetapi untuk mempertahankan kepentingan awam. Itu sahaja maksud kita bawa usul ini. Di dalam masa itu kita sentiasa mencuba

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, ada yang bangun, hendak beri jalan?

Dato' K. Pathmanaban: Boleh.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan itu sengaja melupakan bahawa kebanyakan doktor hendak berkhidmat dengan Kerajaan. Saya sendiri tidak dilatih oleh Kerajaan sampai peringkat kepakaran

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat memberi syarahan lain itu. Yang Berhormat sendiri yang memberikan penerangan. Sepatutnya Yang Berhormat minta penerangan di atas ucapannya itu.

Dr Tan Seng Giaw: Adakah beliau tahu setengah-setengah doktor tidak dilatih oleh Kerajaan dan mengapa mereka juga diberi layanan keistimewaan—saya tidak kata "deprivation" tetapi layanan keistimewaan ini. Ada setengah-setengah doktor tidak dilatih oleh Kerajaan dan ada setengah-setengahnya yang berkhidmat dengan Angkatan Tentera pergi ke hospital atau klinik pendalaman dengan pilihan

sendiri. Ada doktor seperti itu. Saya menggalakkan semua doktor untuk berkhidmat selama-lama.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat nampaknya berucap itu.

Dr Tan Seng Giaw: Satu soalan lagi, saya minta penjelasan lagi, adakah Yang Berhormat itu tahu dan faham bahawa kebanyakan doktor itu dengan keadaan yang tidak baik? Untuk menyinggung doktor seperti Yang Berhormat tadi yang menyinggung banyak doktor—di luar pun dia menyinggung doktor—sikap seperti ini tidak begitu wajar.

Tuan Yang di-Pertua: Dia menyinggung?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan. Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya boleh menyinggung perasaan saya, kedudukan saya, dengan cakap-cakap yang liar. Saya hanya mengatakan satu, dua perkataan, beliau naik perasaan pula. Saya hendak mereka tahu dan sedar bahawa, dengan izin, the cap can fit the other way too.

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Hendak bagi jalan?

Dato' K. Pathmanaban: Tidak.

Dr Eng Seng Chai: Sebutlah apa perkataannya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan, kita telah memakan masa perbahasan Budget.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, ada dua perkara sahaja lagi. Saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Seremban telah menyatakan satu point yang baik, iaitu kita harus mengadakan lebih banyak peluang untuk latihan "post-graduate", latihan ijazah lanjutan di dalam negara ini untuk menarik lebih ramai lagi

pegawai-pegawai terus berkhidmat dengan Kerajaan. Itu adalah satu point terima dan memang ini sudah pun mula wujud di negara ini. Beberapa kursus post-graduate dalam bidang perubatan terdapat di Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Kita berharap profesion perubatan ini melalui badan-badan profesion mereka dapat memainkan peranan yang lebih penting dan lebih wajar dalam mewujudkan dan memperbesarkan lagi peluang-peluang untuk latihan lanjutan dengan memberi kerjasama kepada pihak-pihak universiti dan sebagainya.

Ini satu usaha yang kita memang menggalakkan dan diharap dapat kita menjalankannya. Penting dalam perkara ini pula ialah tempoh masa yang doktor-doktor muda bekerja dengan Kerajaan sudah menjadi satu asas untuk mereka memperolehi ijazah lanjutan. Umpamanya dalam bidang Obstetrics dan Gynaecology (O and G), bidang Surgery dan juga bidang perubatan di dalam satu-satu keadaan, perkhidmatan di hospital-hospital adalah ditauliahkan kerana hospital itu mempunyai kepakaran, kemudahan dan kes-kes yang cukup dan sebagainya.

Perkhidmatan di hospital-hospital seperti itu adalah satu usaha yang penting, yang diwajibkan untuk mereka meneruskan pelajaran mereka di peringkat post-graduate. Ramai daripada doktor-doktor yang menggunakan tempoh masa tiga tahun mereka yang diwajibkan untuk bertugas dengan Kerajaan ini, sebagai peluang untuk mereka mendapat posting-posting yang sesuai dan yang boleh dianggap sebagai latihan bagi mereka untuk meneruskan ijazah pengajian mereka. Jadi bukanlah semuanya hasil daripada bertugas dengan Kerajaan itu menjadi satu tempoh masa yang sudah hilang atau membazir. Ada banyak faedahnya juga yang dapat dinikmati.

Jadi kita campur kebaikan dengan perkara-perkara yang tidak dipandang begitu seronok oleh doktor-doktor, dan saya rasa pada amnya kita dapat mengatakan usul ini adalah usul yang perlu, usul yang banyak membawa faedah kepada negara, khususnya untuk mempertahankan nasib dan kedudukan orang ramai di negara kita.

Mengenai perkara penubuhan suruhanjaya, tak payahlah saya menjawab kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong. DAP ini adalah satu parti "suruhanjaya". Mereka tidak ada idea-idea sendiri selain daripada cadangan Suruhanjaya. Dalam perkara-perkara seperti membina jambatan, membina jalan, membina sekolah, hilang wang, hendak siasat bank dan apa jua perkara pun, Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP ini sentiasa menonjolkan cadangan "suruhanjaya". Jadi DAP ini parti "suruhanjaya".

Dalam perkara ini, saya rasa tak payahlah kita jawab

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Tak mahu bagi jalan?

Dato' K. Pathmanaban: Tidak, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk, Ahli Yang Berhormat dari Kepong!

Dato' K. Pathmanaban: Saya rasa dalam hal ini, perkara-perkara yang perlu diketahui adalah dalam pengetahuan Kementerian. Banyak langkah yang telah pun diambil untuk menjadikan perkhidmatan bidang kedokteran itu sebagai satu yang lebih menarik dan banyak perubahan telah dibuat dalam tempoh masa 3-4 tahun yang lalu. Segala ini sudah pun mula mendapat hasil dengan memperkekalkan lebih ramai doktor-doktor itu dalam Kerajaan. Tak payah kita mengadakan suruhanjaya untuk

mengacau apa yang dikatakan sebagai "sarang-sarang tebuhan". Saya bimbang tebuhan itu nanti akan menggigit mereka sendiri! Terima kasih.

Dn Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, dia sudah habis menjawab.

Dn Seng Giaw: Tak boleh terangkan lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Tak boleh. Dia sudah duduk, sudah habis jawab.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kesihatan. hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini membuat ketetapan bahawa mengikut peruntukan seksyen kecil (3) seksyen 39 Akta Perubatan 1971, Bahagian VII Akta itu hendaklah terus berkuatkuasa bagi tempoh lima tahun lagi mulai dari 1hb Oktober, 1986.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1987

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1987

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah. "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1987 dibacakan

bagi kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$6,672,535,390 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1987, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1987 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 41 tahun 1986, adalah diutamakan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai tersebut" (28hb Oktober, 1986).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, sila teruskan, 10 minit lagi.

5.28 ptg.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin sambung untuk menghabiskan baki ucapan saya yang telah saya sampai pada petang kelmarin.

Tuan Yang di-Pertua, orang kampung yang berkampung di Memali adalah orang awam yang menghormati "Tok Guru" dan mereka terdiri dari orang-orang tua—perempuan ramai juga yang tua—serta kanak-kanak.

Belum ada satu jenayah yang dibabitkan ke atas mereka, cuma disyaki dalam kumpulan itu disebutkan ada tiga orang penjenayah yang berlingung—itupun tidak dapat dibuktikan kerana sesudah selesai di

kampung itu dilanda tragedi, tiga orang tadi tidak ada di situ. Sampai hari ini jenayah, tuduhan awal yang dibuat ke atas Ustaz Ibrahim Libya tidak dapat dibuktikan malahan tiga orang yang disyaki penjenayah yang dikatakan berlindung di situ juga belum dipastikan jenayahnya kerana mereka belum dimahkamahkan pada masa itu.

Jelaslah bahawa orang-orang yang disyaki penjenayah itu belum sampai dan belum sama dengan peringkat penjenayah yang menawan Dr Radzi di Penjara Pudu itu, tetapi pasukan polis tidak teragak-agak langsung untuk bertindak, tidak terfikir untuk menyelamatkan kanak-kanak, wanita dan orang tua yang ada di situ. Tidak difikirkan jiwa orang itu perlu diselamatkan, tidak ditimbangkan nasib keluarga orang kampung dan keluarga polis yang terkorban memerlukan kasih-sayang ayah, suami dan saudara-mara tanpa disangsi oleh orang awam selepas pembunuhan ramai-ramai itu.

Seluruh harta-benda yang ada di rumah Ustaz Ibrahim diambil oleh polis, apakah ia dirampaskan atau untuk dijadikan barang kes. Kalau untuk dijadikan barang kes, yang wajar dilakukan ialah memastikan setiap barang dicatat dan ditunjuk kepada pihak yang boleh mengesahkan barang-barang itu diambil, di mana kitab-kitab, di mana duit wakaf yang beribu-ribu, di mana barang-barang kemas pusaka nenek-moyang isteri Ustaz Ibrahim Libya, banyak mana jumlahnya. Semua ini belum dapat dijelaskan. Apakah dapat memastikan bahawa tidak ada barang-barang itu yang hilang dari senarai, kalau pun ada senarai.

Dalam tindakan selanjutnya, Tuan Yang di-Pertua, yang caranya lebih kurang secara gurkha Jepun dahulu, hampir habis orang-orang kampung dikutip, untung juga kambing, ayam dan itik, ternakan orang-orang

kampung tidak dibawa sama ke dalam bilik kurungan ISA. Cara mana mereka dilayan dalam lokap tidak menunjukkan langsung polis tadi berhadapan dengan orang-orang Islam dari kampung. Semua ini mulai diceritakan dan bagaimanakah polis dapat menjelaskan segala yang sudah yang akan diceritakan ini.

Dari cerita-cerita itu jelaslah memperlihatkan segala tayangan video oleh RTM mengenai Memali kata latar belakang yang dibuat oleh Menteri Penerangan kita itu semacam palsu belaka. Keterangan mengenai Memali yang dibuat di Dewan ini oleh pemimpin-pemimpin Kerajaan nampaknya tidak sama dengan yang diterangkan oleh masa-masa kejadian Memali itu. Adalah menjadi tanggungjawab Dewan ini bagi memastikan kewibawaannya untuk memastikan bahawa ucapan-ucapan di Dewan ini adalah benar. Selagi keterangan orang-orang kampung itu tidak dijelaskan oleh Kerajaan, maka orang terasa bahawa banyak kenyataan palsu telah dibuat oleh pemimpin-pemimpin. Untuk memastikan kebenaran maka tidak wajar para pemimpin sekadar membuat kenyataan penafian yang dimestikan dibuat melalui saluran yang boleh dihormati.

Dari peristiwa Memali, dicampur pula oleh kejadian menembak dua orang pemuda belasan tahun di Kuala Lumpur, mengingatkan saya pada cara bertindak petugas keselamatan di Indonesia. Di negara itu kuasa diberi kepada pemegang senjata untuk bertindak segera terhadap orang-orang yang dipercayai penjenayah tanpa menunggu sebarang tuduhan, tanpa menunggu keputusan hakim, petugas boleh menjatuhkan hukuman mati kepada orang-orang yang menjadi sasarannya. Adakah hal ini mulai menjadi contoh di tanahair ini atas nama kerjasama dua hala atau muafakah ASEAN. Hubungan kedua negara ini amat rapat, kedua-duanya

saling tiru-meniru dan saling tukar-menukar maklumat. Maka tidakkah mungkin bedilan yang dilepaskan itu dipengaruhi oleh cara jiran itu. Barang dijauhkan Allah, ia tidak berlaku tetapi imej yang mulai ada pada polis seolah-olah ia sudah hendak jadi macam Indonesia.

Bukan tujuan saya, Tuan Yang di-Pertua, menyuarakan ini untuk memburuk-burukkan polis atau anti-polis. Kita mahu kepada kecekapan polis, kita mahu polis Malaysia menjadi contoh kepada semua polis dunia. Malaysia menjadikan Islam sebagai agama rasmi, maka polisnya pun hendaklah mencerminkan polis yang dimimpikan oleh seluruh manusia di dunia. Kami mahu mengajak seluruh rakyat menghormati polis dan memberikan polis segala kerjasama. Polis bukan musuh dan bukan suatu yang mesti dijauhi kerana kepada polis kita serahkan harapan menyelamatkan kita sesudah kita berserah kepada Allah. Tetapi bagaimana hendak mendapatkan perlindungan dari polis kalau polis belum mesti hendak memberikan perlindungan. Inilah yang ingin saya sampaikan kepada polis kerana pandangan orang begitu cemas terhadap polis disebabkan oleh beberapa peristiwa yang berlaku tadi.

Tuan Yang di-Pertua, beralih pula pandangan saya kepada masalah pelancongan iaitu sekalipun perusahaan pelancongan menjadi industri penting bagi banyak negara di dunia, tetapi kesan dari dagangan yang demikian jarang sangat difikirkan. Ramai manakah antara kita sedar bahawa negara pelancongan atau bandar pusat pelancongan menjadi kawasan termahal dalam serba-serbi. Harga barang tinggi dan perbelanjaan hidup tinggi, berapa ramai pula yang memikirkan tentang penyakit sosial yang dicetuskan oleh kehadiran para pelancong yang datang bukan sekadar untuk menjamu

kehendak nafsu tetapi dalam serba-serbi pengaruh kebudayaan asing.

Selain daripada pengaruh Barat yang asing, terdapat pengaruh liar seperti hippies, rock dan dadah serta lain-lain yang ditinggalkan di negeri yang dilancongkan itu. Memang kunjungan orang-orang luar memberikan keuntungan dalam banyak perkara. Selain daripada faedah dari perbelanjaan orang itu selama berada dalam negeri, ia memberikan peluang kepada orang negara kita mengenali orang luar dan memahami persoalan antarabangsa yang dewasa ini hubungan antarabangsa penting bagi diplomasi dan politik sesebuah negara. Tetapi haruslah difikirkan tentang sumbangan yang boleh diberikan oleh negara ini kepada orang luar itu dalam membetulkan cara hidup dan peraturan dunia yang sudah pincang ini.

Di samping keuntungan yang kita hendak dapat—bukan batu-batu bersurat dan tugu-tugu purba yang harus ditunjukkan sangat kepada mereka atau gedung arak dan tauk serta pusat kasino yang mesti disediakan kepada mereka, tetapi satu peradaban mulia yang dianjurkan oleh Islam harus menunggu kunjungan mereka. Jaminan terhadap pelancong dari suasana yang dipengaruhi oleh Islam di mana tiada peras ugut, tiada rompak, bebas dari penipuan, bebas dari gangguan orang-orang mabuk dan gian dadah, tidak ada pengunjuk luar, tiada penindasan dan sebagainya, mudah mengikat kenangan orang dan menggalakkan orang mahu datang lagi.

Suasana dan keamanan yang wujud di bawah pemerintahan Saidina Omar Ibn-Khatab penuh dengan kesederhanaan, sehingga kemudiannya tiada orang yang bersedia menerima zakat dan sedekah yang menyebabkan bangsawan-bangsawan Parsi dan orang-orang

Rom berminat untuk hidup di bawah suasana damai itu.

Pendedahan dakwah kepada para pelancong harus menjadi perkiraan. Adakah kunjungan pelancong untuk menikmati kebahagiaan yang wujud di bawah pentadbiran para Khulafah Arrasidin dapat menyumbangkan sesuatu yang bererti atau kunjungan pelancongan ke kota Bangkok, Balai Monte Carlo, Hollywood dan lain-lainnya yang memberikan kebahagiaan kepada negara. Kiranya kita dapat belajar dari perkembangan sejarah dan pengalaman orang tua, kita akan membuat pengakuan betapa musnahnya keaslian masyarakat Bangkok akibat dikunjungi oleh pelancong-pelancong Amerika dan lain-lain termasuk Korokoromodong dari Telok Parsi. Dengan demikian perusahaan pelancongan mestilah dikaji semula dari segi matlamat dan cara mana ia harus dikendalikan supaya usaha pelancongan tadi dapat memberi kebaikan bukan sahaja kepada negara kita tetapi kebaikan juga bagi tetamu itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi iaitu sepanjang sidang Dewan ini berjalan, saya ada mendengar beberapa sungutan daripada pihak penyokong Kerajaan yang menyebut tentang Undang-undang Mahkamah Syariah dan pentadbiran Agama Islam tidak selaras antara satu negeri dengan satu negeri yang lain, malah ada yang menyebutkan bahawa keadaan pentadbiran Islam tidak berbeza dengan zaman penjajah dahulu.

Saya bergembira kerana ini disedari juga oleh beberapa orang penyokong Kerajaan. Walaupun saya seorang diri di Dewan ini tetapi kerana sungutan tidak berpuas hati dengan kemajuan Islam, saya tidak teragak-agak untuk memberi simpati kepada pihak yang bersungut itu. Bersungut dan merayu kepada pihak lain sesungguhnya tidak akan membawa banyak kejayaan. Bertindak mengikut kemampuan

kerana kebenaran akan membantu anda membuat perubahan. Tidak adanya perubahan radikal dan berkecamukannya suasana ialah disebabkan tidak wujud fekras yang jelas tentang cara mana Islam mesti ditadbirkan. Kebantuan yang terdapat ialah Kerajaan dan penyokong-penyokong merasakan bahawa yang berjalan sekarang adalah baik dan sudah memenuhi kehendak Islam. Pihak yang diamanahkan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bolehkah gulungkan?

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Insyallah, saya boleh gulung. Pihak yang diamanahkan tidak berminat untuk mengkaji bahawa teguran Pembangkang itu baik dan perlu dikaji, kerana cadangan adalah dari Pembangkang maka ia mesti berniat buruk, khianat, derhaka dan tidak betul. Demikianlah sikap penyokong Kerajaan. Orang-orang tahu tetapi berkepentingan lalu berpuas hati dengan apa yang ada.

Langkah-langkah diambil untuk meningkatkan kedudukan dan gaji orang yang berkelulusan agama dan mereka diberi memegang jawatan-jawatan dalam semua bidang pentadbiran, lalu mereka bersetuju bahawa ia suatu kemajuan sedangkan di zaman penjajah dahulu orang lulusan agama tidak berpeluang makan gaji. Dalam suasana ini pandangan dan cara berfikir pentadbiran Jabatan-jabatan Agama merasakan sebahagian daripada tugasnya adalah untuk memastikan orang-orang yang mengkritik Kerajaan, adalah memutarbelit ayat al-Quran dan al-Hadis-songsang, fanatik, pelampau, derhaka dan lain-lainnya. Sebahagian dari masa pegawai-pegawai terbuang untuk menghadapi masalah ini. Mereka memikirkan cara mana hendak mendakwa orang ini, apa hukuman patut dikenakan dan di mana mereka sembahyang, apa yang mereka buat

dan ucapan dalam ceramah, kemudian memikirkan cara mana pula untuk membasuh hujah-hujah ceramah Pembangkang itu. Bila badan-badan ini dijelmakan sebagai sarang politik bagi mempertahankan Kerajaan dan parti Kerajaan, ia lalu tidak cukup masa atau tidak ada kesempatan untuk memikirkan tentang memperbaiki pentadbiran dan menyelaraskan Majlis-majlis Agama Islam.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya akan tamatkan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta tamatkan.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Dari semasa ke semasa mereka memikirkan tentang masalah fatwa tetapi tidak banyak dari fatwa itu pun dipakai oleh Kerajaan. Hari-hari penyokong Kerajaan menyebut tentang pemimpin-pemimpin PAS memutarbelitkan Firman dan Hadis tetapi tidak ada satu keterangan yang dikeluarkan dan boleh dipertahankan ayat mana yang diputarbelitkan dan Hadis mana yang diselewengkan. Majlis Agama begitu banyak tetapi sehingga ini belum ada satu risalah yang membuktikan adanya ayat-ayat yang diputarbelitkan oleh PAS seperti adanya ayat Taurat dan Injil diputarbelitkan oleh orang-orang Yahudi dan pengikut-pengikutnya.

Dewan ini sudah jemu mendengar dakwaan-dakwaan dari penyokong-penyokong Kerajaan tentang soal-soal yang disebutkan di atas tadi. Ini jugalah momok-momok yang dihadapi oleh gerakan-gerakan Islam di Pakistan, di Mesir, di Iran, di Turki dan lain-lain. Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, segala-galanya tidak memperlihatkan kemajuan ialah kerana pertama, Kerajaan tidak berminat untuk menguatkuasakan

pentadbiran bercorak Islam. Kedua, Kerajaan tidak yakin pentadbiran berbentuk Islam boleh dijadikan panduan. Sekiranya Kerajaan berminat dan yakin, nescaya dia akan segera bertindak

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat gulunglah sekarang.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Ya, saya akan gulung.

Tuan Yang di-Pertua: Habiskan ayat itu.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Contohnya, semasa pindaan Perlembagaan yang melibatkan Raja-raja 4 tahun lalu

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jika "contoh" itu bukan gulung!

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Semua pihak mengelakkan dari terlibat dalam sebarang masalah dengan perkara Raja tetapi Kerajaan Barisan tidak teragak-agak untuk membuat sesuatu bila ada minatnya tentang hal itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, habiskan.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Hulu Selangor.

5.44 p1g.

Tuan S. S. Subramaniam (Hulu Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1987 yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 24hb Oktober ini.

Walaupun negara kita dan dunia sedang menghadapi masalah

kemerosotan ekonomi, Kerajaan kita telah berjaya untuk memperoleh sejumlah \$27,412 juta sebagai anggaran Belanjawan negara pada tahun 1987. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan semua ahli-ahli Jemaah Kabinetnya di atas pembentangan suatu anggaran Belanjawan yang boleh dianggap sebagai "Anggaran terhadap kepentingan Negara".

Anggaran Belanjawan untuk tahun 1987 ialah \$3.4 ribu juta kurang daripada anggaran untuk tahun 1986 dan Anggaran Mengurus dengan \$20.7 ribu juta dan anggaran Pembangunan dengan \$6.67 ribu juta, juga berkurangan daripada anggaran untuk tahun 1986 dengan \$1.2 ribu juta dan \$2.2 ribu juta. Kekurangan ini menunjukkan dengan jelasnya Kerajaan Barisan Nasional ialah satu Kerajaan yang bertanggungjawab dan berani untuk mengambil tindakan-tindakan yang tegas dan positif untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh negara kita.

Anggaran Belanjawan yang telah dibentangkan menunjukkan satu defisit perbelanjaan yang meningkat dari \$7.5 ribu juta dalam tahun 1985 kepada \$12.5 ribu juta dalam tahun 1986. Defisit ini meliputi bukan sahaja Kerajaan Persekutuan tetapi juga Kerajaan-kerajaan Negeri serta "Off-Budget Agencies", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Memandangkan dengan pinjaman Kerajaan dari luar negeri sebanyak \$40 ribu juta, saya ingin menyentuh di sini tindakan tegas yang telah diambil oleh Kerajaan kita walaupun bukan popular, amat perlu untuk memulihkan ekonomi negara kita secepat mungkin. Di sini juga saya ingin membawa kepada perhatian Kerajaan, akaun semasa Kerajaan masih menunjukkan defisit sebanyak \$1.3 ribu juta dan saya ingin memohon

kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk mengambil tindakan serta-merta untuk membaiki keadaan ini oleh kerana kekurangan dalam akaun semasa ialah satu keadaan yang tidak harus dilanjutkan. Defisit akaun semasa ini bermakna negara kita sedang menikmati satu kehidupan yang agak tinggi jika dibandingkan dengan hasilnya. Jika kita tidak mengambil tindakan serta-merta untuk mengurangkan perbelanjaan kita, negara-negara asing tidak akan menghargai kewangan kita dan perkara ini akan menyusahkan lebih masalah pemulihan ekonomi negara dalam tahun yang akan datang.

Saya tidak begitu arif untuk mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan di manalah kita harus mengurangkan perbelanjaan dari segi akaun semasa ini. Tetapi satu arena saya boleh tunjukkan ialah anggaran sebanyak \$3.4 ribu juta yang diperuntukkan untuk "Off-Budget Agencies", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa inilah satu perkara bukan mustahil oleh kerana nampaknya sebahagian besar anggota-anggota "Off-Budget Agencies" ini tidak akan membawa hasil kepada negara kita di dalam 3 atau 4 tahun lagi dan projek-projek tersebut boleh ditangguhkan tanpa kesan buruk kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun saya suka juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan kita di atas \$6.67 ribu juta yang telah diperuntukkan untuk pembangunan negara kita pada tahun 1987. Walaupun peruntukan ini berkurang sebanyak 25% jika dibandingkan dengan tahun 1986, ini menunjukkan dengan jelasnya betapa penting pucuk pimpinan kita mengambil berat perkara pembangunan negara kita. Daripada peruntukan ini kita juga dapat tahu sebahagian besar telah pun

diperuntukkan untuk pembangunan luar bandar, khasnya kepada bekalan air, api dan jalan-jalan dan saya sebagai Ahli yang mewakili satu kawasan yang sebenar-benarnya "hulu", yang dinamakan Hulu Selangor, saya ingin menjunjung kasih kepada Kerajaan di atas perhatian besar yang telah diberi kepada rakyat jelata kita.

Berkaitan dengan peruntukan ini, saya suka mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan kepada pihak Kerajaan di atas rayuan saya dalam ucapan Menjunjung Kasih ke atas Titah Ucapan Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong untuk memasukkan kawasan-kawasan perladangan juga sebagai kawasan luar bandar. Jika tidak, saya ingin menyatakan di sini Kerajaan Barisan Nasional akan menghilangkan satu sokongan besar daripada pengundi-pengundi di ladang-ladang di seluruh negara kita dalam pilihanraya umum akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedar langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan akan membebaskan sebahagian besar pekerja-pekerja di negara kita dan saya ingin membawa kepada perhatian Kerajaan, rakyat di negara kita telah pun bersedia untuk berkorban dan bekerjasama demi untuk memulih dan memperkukuhkan kedudukan kewangan negara kita. Tetapi mereka juga merayu kepada Kerajaan untuk berhati-hati dengan rakyatnya apabila langkah-langkah yang telah pun diumumkan akan dilaksanakan untuk pungutan cukai di masa akan datang, oleh kerana langkah-langkah tersebut akan membebankan kedudukan kewangan dalam setiap keluarga-keluarga di negara kita. Sebagai contohnya ialah perlaksanaan skim potongan untuk pungutan cukai pendapatan. Walaupun langkah baru yang telah diumumkan harus dipuji untuk membaiki akaun semasa Kerajaan, ini akan membebankan

sebahagian besar rakyat kita oleh kerana mereka akan dipaksa membayar cukai untuk dua tahun dalam tahun 1987. Saya ingin mencadangkan pemotongan untuk tahun "Year of Assessment 1987", dengan izin, harus dibuat dengan beransuran ke atas 24 bulan ataupun 36 bulan yang akan datang.

Lagi satu masalah yang kita harus juga menyelesaikan ialah pinjaman perumahan bagi pekerja-pekerja awam dan swasta. Dengan hanya \$1.5 ribu juta untuk pihak awam dan \$98 juta untuk rumah kos murah, ini akan mencukupi untuk membina lebih kurang 20-30,000 buah rumah sahaja bagi tahun 1987. Peruntukan yang telah diberi tidak mencukupi untuk memenuhi perjanjian Kerajaan untuk membina 80,000 buah rumah setiap tahun.

Pandangan saya, harapan Kerajaan bagi institusi-institusi kewangan menyediakan \$2,000 juta seolah-olahnya tidak boleh ditunaikan dan ini akan menjejaskan sektor pembinaan dalam negara dan seterusnya menghilangkan peluang kerja dan ekonomi negara juga akan terjejas pada tahun 1987.

Semasa kita memuji Kerajaan di atas beberapa insentif-insentif yang telah diberi kepada syarikat-syarikat dan industri-industri swasta untuk menggalakkan kegiatannya, saya terpaksa juga membawa kepada perhatian Dewan ini tiga lagi aspek yang aspek yang harus dikaji dengan telitinya untuk membawa lebih hasil kepada negara kita dengan lebih cepat dan lebih mudah.

Cadangan yang pertama ialah industri pelancongan. Saya telah difahamkan negara kita menerima lebih kurang 2.8 juta pelancong dalam tahun 1984 dan setiap orang tersebut telah membelanja lebih kurang \$488 setiap kali ataupun satu sumbangan sejumlah \$1.36 ribu juta pada tahun 1984 kepada sistem kewangan negara

kita. Saya ingin bertanya kepada pihak yang berkuasa, manalah kita boleh dapat satu sistem perniagaan di bawah mana kita boleh mengutip wang asing sebanyak \$488 dari setiap orang yang melawat negara kita. Negara-negara maju telah pun menyedari potensi industri pelancongan dan walaupun ekonomi negara mereka begitu kukuh masih sedang mengambil beberapa banyak tindakan untuk memaju dan membaiki industri tersebut. Sebab apalah Kerajaan kita masih tidak menyedari potensi industri pelancongan dan jika kewangan negara kita begitu terhad, sebab apa kita tidak boleh menswastakan tempat-tempat yang indah untuk pihak swasta mengambil bahagian dalam industri pelancongan ini?

Seperti mana kita semua telah maklum, negara kita mempunyai gunung-gunung yang indah, hutan rimba yang kaya dengan keistimewaan, hotel dan sistem pengangkutan yang terbaik dan penduduk-penduduk yang berbagai kaum dengan cara hidup dan makanan yang sangat-sangat sedap. Dengan keadaan yang begitu baik sebab apa bilangan pelancong yang sampai ke negara kita masih berkurangan jika dibandingkan dengan negara-negara yang berhampiran dengan kita. Saya mendapat tahu satu masalah yang menghalang pelawat-pelawat ialah sistem pemeriksaan oleh Jabatan Imigresen dan Jabatan Kastam di semua "Port of Disembarkation", dengan izin.

Saya ingin memohon kepada Kerajaan untuk mengkaji semula semua undang-undang yang berkaitan dengan industri pelancongan untuk membolehkan lebih pelancong melawat negara kita dengan mudahnya. Kita harus juga menyedari bukan semua orang asing yang datang ke negara kita sebenar-benarnya pelancong. Semata-mata adalah sebahagian besar yang datang ke

negara kita dengan visa perniagaan dan juga visa pekerjaan. Tetapi apabila kita mengkaji bagaimanakah keadaan pemberian visa-visa tersebut, kita dapat tahu bahawa inilah satu perkara yang paling mustahil untuk mendapat daripada Jabatan Imigresen. Jawapan daripada Jabatan Imigresen berkaitan dengan masalah ini ialah, tindakan tersebut telah pun diambil untuk memberi lebih peluang kepada warganegara kita.

Tetapi soalan yang saya ingin menimbulkan di sini ialah adakah peluang yang tidak diberikan kepada orang asing seolah-olah akan di beri kepada orang-orang warganegara. Saya percaya tidak, dan akhirnya bukan sahaja kemahiran untuk menggalakkan ekonomi negara kita telah hilang bahkan juga pendapatan negara kita oleh kerana dengan lebih orang mahir dalam negara cukai pendapatan juga akan dinaikkan melalui pungutan cukai dari individu dan juga syarikat-syarikat.

Oleh yang demikian, saya ingin merayu kepada Kerajaan untuk mengurangkan undang-undang yang menghalangkan orang-orang asing melawat negara kita sama ada sebagai pelancong, peniaga atau sebagai pekerja-pekerja mahir di negara kita. Lagi satu aspek, Kerajaan harus mengkaji dengan sedalam-dalamnya berkaitan dengan industri pelancongan ialah tempat-tempat dan bahan-bahan yang paling menarik pelancong-pelancong dalam negara kita dan untuk mengambil tindakan sewajarnya bagi membangun dan menggalakkan tempat-tempat tersebut. Contohnya ialah Ibu Kota negara kita, iaitu bandar Kuala Lumpur. Sebahagian besar pelancong-pelancong tidak mempunyai masa untuk melawat seluruh negara dan apabila mereka sampai di bandar Kuala Lumpur, Ibu Kota inilah menjadi cermin untuk seluruh negara Malaysia.

Oleh yang demikian Kerajaan harus mengambil tindakan positif untuk menaikkan taraf Kuala Lumpur ke taraf antarabangsa di mana semua kemudahan dari segi sight-seeing, dengan izin, akan diadakan. Contohnya ialah taman seperti taman "Mini Malaysia" ataupun "Taman Mini Hutan" ataupun "Taman Mini Mountain Climbing" dan sebagainya. Dari segi shopping dan entertainment, dengan izin, Ibu Kota kita tidak boleh dibandingkan dengan Ibu Kota lain-lain negara. Saya ingin mohon daripada pihak berkuasa untuk mengadakan beberapa tempat hiburan dengan artist-artist international dan shopping oleh kerana pelancong-pelancong juga tidak ingin membazirkan waktu malam dalam hotel-hotel sahaja tanpa apa-apa aktiviti.

Saya ingin merayu kepada Kerajaan kita untuk memberi penuh perhatian di bawah perkara-perkara tersebut oleh kerana industri pelancongan bukan sahaja membawa wang asing dengan secara langsung tetapi juga secara tidak langsung dengan mengeratkan tali persaudaraan dan perhubungan antara negara kita dengan negara-negara antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang kedua yang boleh menaikkan hasil Kerajaan dan negara kita ialah satu sistem untuk menjual sebahagian saham-saham dalam off-budget agencies, dengan izin, kepada orang-orang asing. Saya rasa Kerajaan telah pun menyedari masalah ini oleh kerana pada pagi ini, kita dapat tahu MAS ataupun Malaysian Airline System, dengan izin, akan menjualkan sebahagian sahamnya kepada pihak luar negeri. Saya ingin memohon kepada pihak berkuasa, pasaran seperti ini juga dilakukan oleh lain-lain syarikat seperti Guthries, Harrison Crossfield, PERNAS, Syarikat Telekom dan juga lain-lain syarikat yang telah membebaskan

Kerajaan kita hingga masa kini sebagai contohnya ialah Syarikat Kereta Nasional. Di sini saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak Sime Darby yang baru-baru ini telah menawarkan sebahagian sahamnya di pasaran London. Ini menunjukkan sikap dan persefahaman yang begitu positif dan luas oleh pihak Sime Darby bukan sahaja berkaitan dengan masalah syarikatnya tetapi juga masalah ekonomi negara kita.

Saya ingin merayu kepada lain-lain syarikat khasnya off-budget agencies, dengan izin, untuk mencontohi kepimpinan yang telah ditunjukkan oleh pihak Sime Darby untuk memasarkan saham-sahamnya dalam pasaran antarabangsa untuk memulihkan ekonomi negara kita secepat mungkin. Cadangan saya di bawah perkara ini ialah hanya untuk menjualkan minority interest dalam syarikat-syarikat tersebut dan bukan majority interest or board control, dengan izin. Penjualan tersebut bukan sahaja akan mengukuhkan kewangan negara kita, kita boleh juga membaiki hubungan antara pihak negara kita dan pihak antarabangsa dan saya rasa hubungan baik ini juga akan dimasa akan datang membangunkan pasaran barangan-barangan mentah dan bahan-bahan eksport negara kita kepada seluruh dunia. Dengan ini nilai kewangan kita boleh dinaikkan dan ini akan memudahkan pemulihan ekonomi negara kita dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang ketiga untuk membaiki ekonomi negara kita ialah melalui pembukaan sebahagian pasaran harta di negara kita kepada orang-orang asing. Berkaitan dengan perkara ini, saya ingin mengalu-alukan tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan baru-baru ini untuk membuka tanah-tanah perindustrian kepada orang-orang asing. Di sini saya ingin memperluaskan arena harta kita yang

boleh dibuka kepada orang-orang asing kepada dua lagi sektor. Yang pertama ialah tanah-tanah pertanian untuk membangunkan aktiviti-aktiviti pertanian dan ternakan secara sistem perladangan. Sistem ini akan mengurangkan sebahagian besar kewangan kita di atas pembelian sayur-sayuran dan daging-daging dan saya rasa sistem ini akan memberi lebih hasil kepada negara kita jika dibandingkan dengan pembukaan tanah-tanah untuk kelapa sawit dan getah sahaja. Lagi satu sektor harta kita harus dibuka kepada orang asing ialah harta condominiums ataupun apartments dengan harga tertinggi.

Pihak pemaju kita dalam bidang ini sedang menghadapi betapa besar kesusahan untuk menjual kondominium-kondominium tersebut dan saya percaya dengan pembukaan pasaran tersebut untuk orang asing keuntungan syarikat-syarikat berkaitan dengan pembinaan harta dalam negara kita akan dinaikkan dan juga hasil negara kita melalui cukai pendapatan.

Satu lagi perkara berkaitan dengan pasaran harta kita harus juga diselesaikan ialah red-tape dengan izin, yang berkaitan dengan sistem pentadbiran tanah-tanah di negara kita. Contohnya ialah pertukaran syarat tanah dan nama tanah dan lain-lain perkara berkaitan dengan pentadbiran tanah dalam negara kita.

Bersabit dengan perkara-perkara ini saya ingin mengalu-alukan tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor baru-baru ini untuk memindahkan pertukaran syarat kegunaan tanah tanpa melalui Exco Negeri berkenaan. Saya ingin merayu kepada lain-lain negeri di seluruh negara kita untuk mencontohi negeri Selangor dalam perkara pentadbiran tanah mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dengan keadaan ekonomi yang begitu merosot kita harus juga mengambil

kesempatan ini untuk mengkaji dengan telitinya sebagaimana kita boleh mengurangkan lagi perbelanjaan kita dan seterusnya menaikkan daya pengeluaran dan kecekapan Kerajaan kita. Di bawah perkara ini saya ingin mengalu-alukan langkah-langkah positif yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menswastakan jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan tetapi malangnya hingga masa kini hanya Jabatan Telekom, satu jabatan dengan potensi untuk keuntungan yang paling tinggi sahaja telah diswastakan. Apa yang kita perlu ialah satu sistem di mana Jabatan-jabatan yang berpotensi untuk keuntungan tinggi boleh diswastakan sekaligus dengan satu lagi Jabatan yang berpotensi rendah seperti sebagai contohnya ialah Jabatan Telekom dengan Keretapi Tanah Melayu.

Kerajaan harus mengkaji dengan telitinya sistem pengswastaan seperti tersebut oleh kerana jika tidak di masa yang akan datang Kerajaan masih akan dibebankan dengan Jabatan-jabatan yang bergantung di atas peruntukan Kerajaan sahaja, sementara pihak swasta telah mengambil alih semua lain-lain jabatan yang berpotensi untuk keuntungan tinggi.

Satu lagi aspek kita harus juga beri lebih perhatian ialah komposisi kaum dalam bilangan pekerja-pekerja di semua sektor awam. Kita boleh mengambil beberapa contoh seperti Jabatan-jabatan Kerajaan PETRONAS, PERNAS, Bank Bumiputra dan lain-lain agensi yang mana pihak yang berkuasa tidak berminat untuk memberi peluang pekerjaan kepada orang-orang bukan bumiputera. Akhirnya apa yang terjadi di jabatan-jabatan itu ialah satu sistem "compartmentalisation", dengan izin, telah berlaku di mana beberapa penyelewengan telah pun terjadi sehingga Kerajaan sendiri telah

mengakui kesalahan tersebut. Saya ingin memohon kepada Kerajaan untuk menyusun balik dan mengatur semula pekerja-pekerja di sektor awam untuk memulih sikap terhadap kerja dan membaiki serta menaikkan semangat persaingan antara satu sama lain sepertimana kita telah pun diadakan pada tahun 50an dan 60an. Saya rasa dan percaya dengan ini sahaja kecekapan dan daya pengeluaran negara kita boleh ditambah ke suatu taraf yang lebih memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar topik perkauman tersebut ialah satu topik sensitif dan tidak boleh diterima oleh semua pihak yang ada di dalam negara kita. Kepada mereka saya ingin merujuk kepada beberapa syarikat dan industri-industri bumiputera yang telah maju di negara kita dan apabila kita mengkaji nisbah kaum di kalangan pekerja di syarikat-syarikat tersebut keadaannya sangat memuaskan. Inilah rahsia Kerajaan sebab apalah kita tidak boleh diamalkan sistem dan cara yang diamalkan oleh jabatan-jabatan ataupun pihak swasta bumiputera yang mengikuti cara yang saya telah dikatakan tadi.

Di bawah perkara ini saya rasa satu langkah yang baik ialah untuk mewujudkan satu badan pengawal yang berasingan dengan sistem pentadbiran dan yang diwakili oleh semua kaum. Badan ini boleh berkhidmat di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam bukan sahaja di peringkat Persekutuan tetapi juga di peringkat Negeri dan Daerah untuk mengkaji dengan telitinya keadaan di setiap jabatan pada masa ini dan mengambil tindakan yang tegas untuk memulih keadaan ini ke suatu taraf yang lebih memuaskan. Badan ini juga harus diberi kuasa untuk menjalankan tugasnya secara senyap tanpa menimbulkan perasaan yang boleh menjejaskan perpaduan dan ketenteraman masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, jika Kerajaan tidak memandang dengan seriusnya perkara perkauman yang saya telah sebut baru-baru ini Kerajaan kita tidak boleh mencapai matlamat iaitu untuk memulihkan keadaan ekonomi negara kita dalam 3 ataupun 5 tahun akan datang dan seterusnya juga akan gagal untuk mewujudkan satu masyarakat yang bersatu padu dan berkeyakinan penuh kepada Kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya akhiri ucapan saya, saya ingin merujuk kepada satu Pepatah Inggeris yang bermaksud, "Mencegah lebih baik daripada memulih". Saya rasa saya tidak payah menerangkan berkaitan dengan Pepatah ini dengan belanjawan negara kita pada tahun ini dan juga tahun-tahun yang akan datang. Dengan ini saya akhiri ucapan saya dengan ucapan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, yang telah mengizinkan saya menyampaikan ucapan ini di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kimanis.

6.05 ptg.

Tuan Nurnikman bin Abdullah (Kimanis): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan belanjawan bagi tahun 1987 yang mana telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, Jumaat lalu.

Saya bangun untuk menyokong Belanjawan bagi tahun 1987 dan ingin mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana membentangkan satu Belanjawan yang sederhana bertujuan untuk mengatasi ekonomi negara yang agak lembab.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya Belanjawan yang telah dibentangkan itu tidak merupakan suatu Belanjawan yang popular atau mendapat sambutan yang baik dari rakyat terutama sekali mereka yang terpaksa menanggung beban disebabkan kenaikan cukai ataupun yang dikenakan cukai. Tetapi Kerajaan terpaksa mengambil apa jua langkah yang perlu untuk mengatasi keadaan yang buruk ini walaupun tindakan yang diambil itu tidak digemari oleh pihak-pihak yang tertentu.

Dalam keadaan yang mendesak ini rakyat mestilah sanggup berkorban dan bekerjasama dengan Kerajaan demi untuk mencapai matlamat yang dituju. Rakyat tidak seharusnya bergantung dan mengharapkan Kerajaan semata-mata untuk mengatasi masalah negara. Rakyat juga mempunyai peranan dan tanggungjawab untuk membantu serta berdiri di belakang Kerajaan mengatasi masalah kemelesetan ekonomi negara. Untuk memulihkan semula pertumbuhan ekonomi negara saya bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya Kerajaan mengambil arah haluan yang tertentu untuk beberapa tahun yang akan datang.

Selain dari mengurangkan import dan menambah eksport serta memperbaiki suasana dan iklim pelaburan di Malaysia, Kerajaan haruslah juga berusaha untuk menyatupadukan rakyat yang terdiri dari berbagai kaum dan keturunan. Tanpa perpaduan rakyat apa jua usaha Kerajaan tidak mungkin akan berhasil.

Dasar Ekonomi Baru haruslah dipergiatkan dengan peluang-peluang untuk berniaga khususnya bumiputera hendaklah disediakan supaya ramai bumiputera akan berminat untuk menceburkan diri dalam lapangan

perniagaan. Kerajaan haruslah juga menimbangkan untuk memberi dan menyediakan kursus-kursus tentang selok-belok berniaga. Sebagaimana yang kita maklum ramai bumiputera tidak mempunyai pengetahuan asas dalam soal-soal perniagaan. Keadaan ini lebih merumitkan lagi apabila bumiputera terpaksa bersaing dengan bukan bumiputera. Kita selalu sahaja mendengar bumiputera gagal dalam dunia perniagaan, cuma sebilangan kecil sahaja bumiputera boleh dikatakan mencapai sedikit sebanyak kejayaan. Saya akui bahawa bumiputera memang belum cukup pengalaman dalam soal berniaga. Tetapi dengan bimbingan dan tunjuk-ajar dari Kerajaan sudah tentu bumiputera juga akan berjaya.

Satu perkara lagi yang menyebabkan mengapa bumiputera kurang berjaya dalam perniagaan ialah sikap bank-bank dan institusi-institusi kewangan yang enggan memberi kemudahan-kemudahan kredit dan lain-lain kemudahan tanpa cagaran yang cukup. Setengah-setengah bank pula langsung tidak melayani permohonan pinjaman oleh setengah-setengah peniaga bumiputera sekalipun permohonan itu dijamin oleh pihak Kerajaan. Sikap itu adalah satu sikap yang negatif, yang dikenakan kepada kaum bumiputera seolah-olah bumiputera mempunyai satu stigma, dengan izin, bahawa bumiputera tidak biasa berjaya dalam perniagaan. Sikap ini juga sudah tentu akan menjejaskan usaha Kerajaan untuk memulihkan keadaan ekonomi negara yang lembab.

Dalam pada itu bumiputera haruslah sedar akan hakikat ini dan hendaklah berusaha dengan lebih gigih lagi untuk mencapai kejayaan. Kita haruslah juga sanggup mempelajari kaedah-kaedah baru serta mengambil contoh daripada mereka yang sudah established, dengan izin, dan berjaya.

Dasar Pandang ke Timur adalah salah satu contoh yang harus kita ambil. Dasar ini diambil oleh Kerajaan semata-mata untuk faedah rakyat Malaysia khususnya bumiputera, di mana kita diminta mencontohi cara-cara orang Jepun dan Korea bekerja. Kita mestilah sedar bahawa kita tidak boleh berbelanja lebih dari hasil atau pendapatan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru pihak Kerajaan supaya memberi dan menyediakan kemudahan-kemudahan pinjaman untuk bumiputera dengan syarat-syarat yang longgar, demi untuk membolehkan bumiputera mencapai kemajuan dan seterusnya kejayaan dalam lapangan perniagaan dan perindustrian. Jurang di antara yang berada dengan yang kurang berada semakin jauh dan ketara. Yang kaya bertambah kaya, yang miskin tetap miskin. Dalam keadaan ekonomi yang lembab ini sudah tentu perkara ini akan menjadi lebih buruk lagi. Cuma mereka yang sudah stabil kedudukan atau perniagaan mereka akan dapat mengharungi lautan yang serba mencabar ini. Dalam pada ini, Kerajaan haruslah mengadakan lebih banyak program-program bantuan, baik jangka pendek mahupun jangka panjang serta program pengawasan ke atas kemajuan dan pencapaian kaum bumiputera khususnya mereka yang miskin.

Tuan Yang di-Pertua, pelajaran amat perlu bagi setiap rakyat. Dengan mempunyai pelajaran hidup, kita akan lebih terjamin dan ini sudah tentulah akan memperbaiki taraf hidup kita serta memperkukuhkan lagi ekonomi kita. Kerajaan telah memperuntukkan wang yang besar tiap-tiap tahun bagi meningkatkan taraf pelajaran kita. Dari itu rakyat khususnya ibu bapa haruslah menghantar anak-anak mereka ke sekolah untuk menimba ilmu untuk bekalan di hari muka. Tetapi apa yang mendukacitakan,

pada hari ini ialah kita masih lagi menghadapi masalah kekurangan bangunan sekolah dan bilik-bilik darjah, guru-guru yang mahir dan yang terlatih, alat-alat keperluan bilik-bilik darjah dan rumah-rumah kediaman guru-guru.

Di kawasan yang saya wakili iaitu P147 Kimanis, masalah ini amat ketara, terutama sekali di pekan-pekan kecil seperti di kawasan Kuala Penyu, Menumbok, Binsuluk, Palupalu, Bongawan, Membakut dan Kimanis Proper, dengan izin. Pencapaian murid-murid di kawasan yang saya sebutkan tadi amatlah rendah dan kurang memuaskan jika dibandingkan dengan rakan-rakan mereka di tempat-tempat lain yang cukup dengan kemudahan-kemudahan yang diperlukan. Sungguhpun isu pelajaran ini merupakan satu isu negara dan mungkin juga dihadapi oleh sebilangan besar rakyat kita, namun ia tidak boleh dipandang ringan. Kerajaan hendaklah menambah bilangan sekolah terutama di kawasan-kawasan pedalaman dan di luar bandar. Oleh kerana kurangnya bilangan sekolah-sekolah menengah terutama sekali di kawasan luar bandar, saya mencadangkan supaya Kerajaan mendirikan lebih banyak sekolah menengah di kawasan-kawasan ini. Ini kerana ramai penuntut-penuntut yang terpaksa berhijrah ke bandar-bandar untuk menyambung persekolahan mereka di peringkat menengah. Ini amat membebankan khususnya penuntut-penuntut yang terpaksa berpisah dengan keluarga dan kampung masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kekurangan guru-guru bukanlah satu masalah yang baru. Masalah ini telah pun berlarutan untuk beberapa tahun. Yang paling berkurangan ialah guru-guru bahasa Inggeris, Sains dan Matematik. Walaupun Bahasa

Malaysia adalah bahasa rasmi, namun pengetahuan bahasa Inggeris juga amat mustahak.

Selain daripada pelajaran, kesihatan juga amat perlu bagi seseorang. Jika kita tidak sihat, sudah tentu kita tidak akan dapat menjalankan tugas kita sehari-hari. Seperti juga dengan masalah pelajaran, kawasan saya Kimanis juga mengalami masalah kesihatan. Pada masa ini hanya terdapat sebuah Hospital Daerah di Beaufort yang serba kekurangan. Hospital ini terpaksa pula menampung keperluan perubatan dari kawasan seperti Menumbok, Kuala Penyu, Binsuluk, Palu-palu, Sipitang, Bongawan dan Kimanis. Selain daripada menampung keperluan orang-orang dari daerah Beaufort sendiri dengan penduduk berjumlah hampir 200,000 orang yang meliputi kawasan Kimanis dan Limbawang, terdapat hanya dua orang doktor sahaja di Hospital Beaufort. Keadaan ini amat menyedihkan. Alat-alat keperluan yang lengkap dan moden juga tidak mencukupi dan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan tidak memuaskan. Kes-kes serius seperti bedah terpaksa dihantar ke Kota Kinabalu. Saya merayu kepada Kerajaan supaya mendirikan sebuah Hospital Besar di Daerah Kuala Penyu, demi untuk mengatasi masalah perubatan dan mengurangkan kesesakan Hospital Daerah Beaufort.

Tuan Yang di-Pertua, kemudahan-kemudahan asas seperti jalanraya, bekalan elektrik dan air juga tidak memuaskan. Saya sekali lagi meminta Kerajaan supaya menyalurkan sebahagian daripada wang peruntukan untuk memperbaiki keadaan yang tidak memuaskan ini. Sabah telah pun mencapai kemerdekaan dengan menyertai Persekutuan Malaysia lebih 23 tahun. Namun terdapat sebilangan besar kampung-kampung dan pekan-pekan kecil belum lagi dibekalkan dengan tenaga elektrik. Begitu juga bekalan air, mereka terpaksa

menggunakan air dari perigi dan sungai untuk keperluan sehari-hari. Saya meminta Kerajaan supaya menitikberatkan dengan memberikan perhatian yang sewajarnya kepada masalah ini supaya penghidupan rakyat yang terlibat dapat diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, sistem perhubungan jalanraya adalah satu sistem yang amat mustahak. Tanpa perhubungan yang baik, sudah tentu perjalanan dari satu tempat ke satu tempat akan terjejas. Di kawasan Kimanis iaitu bahagian pedalaman Sabah, sistem jalanraya adalah di antara yang paling buruk sekali yang terdapat di Sabah pada hari ini.

Sebagai contoh, jalan sepanjang 76 kilometer daripada Beaufort ke Mempakul serta Kuala Penyu masih berkeadaan seperti dahulu, sedangkan kita sudah merdeka selama 23 tahun. Daerah-daerah kecil seperti Menumbok, Mempakul dan Kuala Penyu telah pun berkembang dengan pesatnya dan penduduk-penduduknya pula bertambah dari tahun ke setahun. Semakin ramai pula menggunakan jalanraya yang menghubungkan kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi dengan bandar-bandar lain seperti Beaufort dan Ibu Negeri Sabah, Kota Kinabalu. Tidak kurang juga ramainya menggunakan jalanraya itu untuk membawa hasil-hasil pertanian mereka untuk dijual di pekan-pekan yang berdekatan. Yang paling mustahak sekali lagi, jalanraya itulah juga yang digunakan oleh mereka dari bandar-bandar lain di Sabah seperti Kota Kinabalu, Kudat, Sandakan, Tawau untuk ke Wilayah Persekutuan Labuan. Oleh kerana sistem perkhidmatan feri Sabah telah pun dilancarkan dengan memberi kemudahan perhubungan di antara Menumbok dan Wilayah Persekutuan Labuan, bilangan orang yang pergi ke Wilayah Persekutuan Labuan melalui Menumbok telah pun bertambah.

Saya merasa dukacita bahawa Kerajaan hingga kini tidak mengambil berat akan keadaan ini. Saya merayu kepada Kerajaan supaya memperbaiki dan mengaspal jalanraya ini dan mengekalkan lebih ramai lagi orang-orang berkunjung ke Wilayah Persekutuan Labuan. Ini akan dapat membantu pertumbuhan ekonomi Labuan dan juga Daerah Kecil Menumbok dan Daerah Kuala Penyu. Sistem jalanraya yang baik sudah tentu akan menarik lebih ramai pelancong melawat daerah-daerah kecil di kawasan saya yang tidak kurang indah dan cantiknya yang merupakan pemandangan semula jadi.

Tuan Yang di-Pertua, di bidang keselamatan pula sudah banyak diperkatakan tentang masalah keselamatan di Sabah terutama di perairan Sabah. Oleh kerana kedudukan Sabah adalah begitu rupa, ia selalu sahaja terdedah kepada serangan-serangan lanun terutama sekali di perairan antara Sabah dan Filipina. Walaupun pasukan keselamatan kita khasnya Tentera Laut dan Polis membuat rondaan yang rapi, mereka tidak akan dapat mengawal dengan lebih berkesan oleh kerana serangan-serangan yang dibuat adalah serangan mengejut dan dirancangan terlebih dahulu. Di darat pula, masalah keselamatan selalu dilakukan oleh pendatang-pendatang haram dan buruh-buruh asing yang bekerja di ladang-ladang. Saya ingin mencadangkan supaya pasukan kita melipatgandakan lagi rondaan di seluruh perairan Sabah dan Kerajaan haruslah mengambil tindakan yang sekeras-kerasnya terhadap pendatang-pendatang haram dan buruh-buruh asing yang menimbulkan kacau-bilau yang boleh mengancam keselamatan negara. Mereka yang terlibat harus dihantar pulang ataupun dipenjara seumur hidup. Dengan adanya pendatang-pendatang haram ini telah menimbulkan satu masalah sosial,

peluang-peluang pekerjaan tempatan telah diambil oleh mereka yang bekerja dengan gaji yang lebih murah, ini membebankan rakyat kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, hubungan antarabangsa amat perlu diperkukuhkan. Malaysia haruslah menjalinkan tali persaudaraan dan kerjasama yang erat, terutama sekali dengan negara anggota ASEAN. Kerjasama dalam semua bidang, terutama sekali ekonomi, sosial dan kebudayaan haruslah ditingkatkan, pemimpin-pemimpin negara hendaklah membuat lawatan-lawatan yang kerap untuk meningkatkan hubungan dua hala, terutama sekali di bidang perniagaan, perindustrian dan keselamatan serantau. Dengan hubungan ini saya meminta Kerajaan supaya berunding dengan Kerajaan Filipina supaya tuntutan mereka ke atas Sabah dapat diselesaikan dengan aman dan damai buat selama-lamanya. Sebagai sebuah negeri dalam Malaysia Sabah akan sehidup, semati dalam Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pula berlai kepada perkara-perkara yang bersabit dengan pentadbiran di Jabatan-jabatan Kerajaan di Sabah. Selaras dengan coganata Bersih, Cekap dan Amanah adalah diharapkan supaya pegawai-pegawai Kerajaan memainkan peranan mereka dengan berkesan.

Saya dukacita kerana ada setengah-setengah pegawai Kerajaan bukan sahaja tidak mengindahkan coganata itu malah ada pula yang sengaja melambat-lambatkan projek dan rancangan pembangunan Kerajaan. Aduan-aduan serta permintaan-permintaan rakyat tidak mendapat perhatian sepenuhnya. Projek-projek kecil luar bandar telah pun diluluskan oleh Kerajaan tidak dilaksana ataupun dilambat-lambatkan. Tindakan serupa ini sudah tentu akan menghalang pembangunan kita terutama sekali pembangunan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru supaya diperkemaskinikan lagi jentera pentadbiran di semua Jabatan-jabatan Persekutuan dan Negeri supaya segala rancangan Kerajaan dapat dilaksanakan dengan jayanya mengikut jadual. Pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan tidak harus pilih kasih dalam menjalankan tugas mereka. Sebagai jentera penggerak mereka adalah diharapkan supaya memberikan khidmat mereka dengan jujur dan ikhlas. Kerajaan cuma mampu membuat perancangan, pegawai-pegawai Kerajaanlah yang bertanggungjawab untuk melaksanakan semua rancangan itu. Dalam pada itu kita harus juga memberi setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pegawai-pegawai dan kakitangan atas khidmat mereka selama ini. Kerajaan dan khasnya ahli-ahli politik hendaklah memberi sepenuh sokongan dan kerjasama kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan dalam kita menempuh kemelesetan ekonomi negara hari ini. Mudah-mudahan dengan adanya kerjasama yang erat ini, kita akan dapat sedikit-sebanyak mencapai matlamat yang kita tuju bagi faedah rakyat dan negara kita Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Menteri Kewangan yang membentangkan Belanjawan bagi tahun 1987. Dengan itu, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka.

6.25 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan tahun 1987 memberi gambaran tentang kesanggupan Kerajaan untuk menghadapi krisis ekonomi teruk yang kini melanda negara kita. Ini tidak hairanlah kerana selepas pencapaian

mandat yang cemerlang dalam pilihanraya umum baru-baru ini, Kerajaan Barisan Nasional tidak berhenti-henti mengheboh-hebohkan hasratnya untuk mengambil langkah-langkah ekonomi yang berani dan dinamis, tetapi sungguh keciwanya ialah apa yang dicadangkan oleh Belanjawan kali ini cuma merupakan tindakan-tindakan yang *ad hoc* dan sepotong demi sepotong untuk menarik pelaburan swasta dan mengurangkan peruntukan Kerajaan sahaja.

Apa yang membawa kesan-kesan serius terhadap rakyat Malaysia bukanlah langkah-langkah yang dicadangkan dalam Belanjawan ini. Tetapi disebaliknya rakyat yang terdiri dari golongan berpendapatan rendah terpaksa menanggung kesan-kesan buruk kemelesetan ekonomi, kerana Belanjawan ini tidak mengandungi sebarang tindakan yang boleh meringankan beban mereka, tambahan pula terdapat pendapat umum yang menganggap bahawa Kerajaan kita telah tersesat dan boleh untuk menghadapi krisis dalam ekonomi negara dan untuk pertama kalinya telah mencatatkan pertumbuhan KDNK yang negatif. Nampaknya Kerajaan sudah mengambil apa jua langkah-langkah yang sedia ada sama ada dalam bentuk pengecualian atau pengurangan cukai, kecuali langkah yang akhir-akhirnya iaitu mengenakan cukai koperat yang menghasilkan sumber-sumber kewangan yang amat diperlukan.

Kerajaan mesti menyedari hakikat bahawa cadangan-cadangan bergaya, atau dengan izin, budgetary acrobatics yang terkandung dalam Belanjawan kali ini tidak akan mencapai kedua-dua matlamatnya untuk menambahkan hasil-hasil menerusi pengingkatan pelaburan swasta serta mengurangkan peruntukan Kerajaan dengan potongan-potongan. Persoalan-persoalan berikut mesti dijawab terlebih dahulu sebelum kita

dapat memulihkan ekonomi negara, kekurangan keyakinan dan suasana alam, kekurangan keyakinan terhadap pemimpin-pemimpin negara yang menguruskan hal ehwal ekonomi dan integrasi pemimpin-pemimpin dalam urusan kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Kerajaan Barisan Nasional telah memperolehi mandat yang terbesar dalam pilihanraya umum, namun begitu masih terdapat krisis keyakinan terhadap pentadbiran sekarang tetapi kewujudan krisis ini tidak begitu hairan sekiranya kita dapat menganalisa keputusan pilihanraya dengan lebih teliti. Sungguhpun Kerajaan Barisan Nasional memenangi 83% daripada semua kerusi Parlimen yang dipertandingkan, mereka cuma mendapat 56% daripada jumlah undi popular. DAP cuma memenangi 24 kerusi walaupun terdapat sokongan 21% jumlah undi popular berbanding dengan 83 kerusi yang dimenangi oleh UMNO yang mendapat hanya 31% jumlah undi popular.

Tuan Ismail bin Said: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun minta penjelasan, hendak beri jalan?

Tuan Lim Guan Eng: Boleh.

Tuan Ismail bin Said: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat dari Kota Melaka dalam ucapannya ada menyebut masalah keputusan pilihanraya umum yang lepas dan cuba hendak kaitkan dengan Belanjawan tahun 1987. Jadi saya minta Yang Berhormat dari Kota Melaka cuba terangkan, apakah ada kaitannya keputusan pilihanraya yang lepas dengan Belanjawan tahun 1987?

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat yang berkenaan, Belanjawan 1987 ini ada berkaitan dengan krisis keyakinan negara kita, kerana tidak ada guna untuk memberi

apa-apa program Belanjawan kalau kita tidak menyelesaikan masalah krisis keyakinan dalam negeri kita.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: Ini telah menyebabkan keadaan ketidakseimbangan di antara kawasan pengundian luar bandar dan bandar sehingga satu undi luar bandar di kawasan Labuan adalah seimbang dengan 7 undi bandar

Tuan Ghazali bin Ahmad: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun pula itu! Hendak beri jalan?

Tuan Lim Guan Eng: Boleh.

Tuan Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, apakah pengertian DAP ini tentang krisis keyakinan? Saya minta penjelasan.

Tuan Lim Guan Eng: Ini krisis keyakinan adalah kerana Kerajaan Barisan Nasional ini tidak mendapat sokongan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bercakap menghadap kepada saya.

Tuan Lim Guan Eng: Minta maaf, saya hendak menjelaskan kepada Yang Berhormat yang berkenaan bahawa krisis keyakinan ini timbul kerana Kerajaan Barisan Nasional tidak accountable, dengan izin, dan tidak terus-terang dengan skandal-skandal yang berlaku seperti skandal BMF, MAKUWASA, EPF dan UMBC.

Tuan Othman bin Abdul: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Ahli Yang Berhormat dari Pendang!

Tuan Othman bin Abdul: Minta penjelasan, nampaknya Ahli Yang Berhormat ini langsung tidak faham

sedangkan bapanya Ketua Pembangkang membahaskan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat minta penerangan!

Tuan Othman bin Abdul: Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Penjelasan, ya!

Tuan Othman bin Abdul:
sedangkan bapanya pernah membahaskan White Paper, dengan izin

Tuan Hu Sepang: On a point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Point of order.

Tuan Hu Sepang: Mana boleh sebut bapa, anak-anaklah (*Ketawa*) jangan sebut bapa, nanti saya sebut mamak bagaimana?

Tuan Othman bin Abdul: Yang Berhormat, bapa dengan anak tidak boleh sebutkah?

Tuan Yang di-Pertua: Sila minta penjelasan.

Tuan Othman bin Abdul: Sedangkan Ketua Pembangkang, bapa kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, membahaskan Kertas Putih BMF dalam Dewan ini selama

4½ jam, itu bukan lagi menunjukkan bahawa kita membuka seluas-luasnya untuk diperbahaskan dalam Dewan ini, mana ada kita menutup satu kes BMF atau lain-lain perkara?

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat dari Pendang, saya anggap lebih baik kalau beliau membaiki jalanraya di kawasan Bukit Seni sebelum bercakap tentang

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak memberikan mereka peluang.

Tuan Yang di-Pertua: Bercakap dalam seminit lagi, saya akan berhentikan, masa sudah cukup.

Tuan Lim Guan Eng: Ini telah menyebabkan keadaan ketidakseimbangan di antara kawasan pengundian luar bandar dengan bandar sehingga satu undi luar bandar di kawasan Labuan adalah seimbang dengan 7 di kawasan Puchong.

Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup, esok boleh sambung.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang besok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.